

**Jilid I
Bil. 91**



**Hari Khamis
17hb November, 1983**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12809]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984:

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 21 [Ruangan 12842]

Maksud B. 22 [Ruangan 12886]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 12841]

Anggaran Pembangunan, 1984:

Jawatankuasa—

Maksud P. 21 [Ruangan 12842]

Maksud P. 22 [Ruangan 12886]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim—Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K, J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.K., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).

- Yang Berhormat DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datoh).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamad bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis 17hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam.

(Soalan No. 1 Y. B. Dr George Chan Hong Nam tidak hadir).

**PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN DISWASTAKAN**

2. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau telah meneliti secara terperinci tentang perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan yang akan diswastakan;
- (b) senarai perkhidmatan-perkhidmatan awam yang akan diswastakan; dan
- (c) apakah syarat-syarat atau asas-asas untuk penswastaaan perkhidmatan-perkhidmatan itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya

telahpun dijawab semasa menjelaskan soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Jerantut dan Parit Buntar pada 14-10-83 dan 19-10-1983 yang lalu berhubung dengan konsep dan pelaksanaan dasar penswastaaan. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk membuat sebarang tambahan.

PUSPATI-KEJAYAAN DIPEROLEHI

3. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejauhmana kejayaan yang diperolehi oleh PUSPATI, semenjak ditubuhkan dalam tahun 1972 sehingga hari ini berkaitan dengan penyelidikan sistem reaktor dan tenaga;
- (b) nama-nama negara yang terlibat dengan projek RCA berkenaan dengan penyelidikan, pembangunan dan latihan dalam bidang teknologi nuklear bagi negara-negara dalam Asia; dan
- (c) negara-negara yang sedia memberi bantuan apabila bekalan alat-alat gantian diperlukan oleh reaktor ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, banyak kemajuan-kemajuan telah dicapai dari segi fizikal, pembangunan, kakitangan dan penyelidikan semenjak PUSPATI ditubuhkan dalam tahun 1972 hinggalah sekarang ini.

Pembinaan Kompleks PUSPATI di Bangi yang dimulakan pada tahun 1979 telah pun siap keseluruhannya pada

bulan Julai 1983, ini termasuklah pembinaan bangunan pentadbiran, pembinaan dan pemasangan sistem reaktor, makmal-makmal penyelidikan, makmal-makmal untuk kerja pengeluaran radio isotop, bangunan kejuruteraan dan Pusat Rawatan Sisa Radioaktif.

Pada masa ini perhatian sedang ditumpukan terhadap memperlekapkan makmal-makmal penyelidikan dengan segala peralatan yang diperlukan. Reaktor penyelidikan PUSPATI telah dikendalikan mulai bulan Jun 1982, sehingga kini ia telah dikendalikan selama lebih satu tahun dan 80% masa kendalian digunakan untuk percubaan dan penyelidikan, 11% untuk melatih kakitangan yang berkelayakan untuk mengendalikan reaktor, 8% untuk penyelenggaraan reaktor dan 1% untuk penerangan kepada pelawat-pelawat.

Sebanyak 13 buah negara di rantau ini yang menjadi ahli kepada Perjanjian Kerjasama Serantau (Regional Co-operative Agreement) bagi penyelidikan pembangunan dan latihan yang berkaitan dengan sains dan teknologi nuklear. Negara-negara tersebut adalah Australia, Bangladesh, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Filipina, Singapura, Sri Langka, Thailand, Vietnam, Pakistan dan Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, General Atomic Co. California adalah pembekal Reactor Trigger Mark II PUSPATI. Segala alat-alat gantian reaktor PUSPATI termasuklah bahan api uranium diperolehi dari syarikat berkenaan dengan kerjasama Kerajaan Amerika Syarikat.

Tuan Yang Dipertua: Tuan Seow Hun Khim.

(Soalan No. 4 Y. B. Tuan Seow Hun Khim tidak Hadir)

BRUNEI—KEMASUKAN ANGGOTA ASEAN

5. Tuan Haji Azaharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan bahawa Brunei akan mencapai kemerdekaannya pada tahun 1984, apakah kemajuan dan usaha-usaha ASEAN di dalam membuat persediaan untuk kemasukan Brunei sebagai anggota keenam ASEAN.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang Dipertua, di mesyuarat tahunan Menteri-menteri ASEAN pada 25 dan 26 Jun baru-baru ini di Bangkok, Perdana Wazir Brunei telah mengumumkan keputusan negaranya untuk menjadi anggota ASEAN sebaik-baik sahaja mencapai kemerdekaan pada 1-1-1984. Persiapan-persiapan sedang dibuat dengan baik dan lancar untuk menerima kemasukan Brunei sebagai anggota ke-6 ke dalam ASEAN setelah ianya mencapai kemerdekaan.

Mesyuarat khas Menteri-menteri ASEAN akan diadakan pada 7-1-1984 untuk merasmikan kemasukan Brunei sebagai anggota baru ASEAN. Persetujuan dan persefahaman bersama telah dicapai dengan perwakilan Brunei Darusalam mengenai perkara-perkara seperti prosedur-prosedur permohonan menjadi anggota ASEAN, penyertaan di dalam aktiviti-aktiviti kerjasama ASEAN sebelum ianya menjadi anggotanya. Syarat-syarat keanggotaan penyertaan Brunei di dalam badan-badan ASEAN dan seterusnya mengenai persiapan upacara perasmian kemasukan Brunei Darusalam ke dalam ASEAN. Jawatankuasa Tetap ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN di Jakarta telah dipertanggungjawabkan untuk merundingkan dengan wakil Kerajaan Brunei mengenai persiapan-persiapan tersebut. Lanjutan dari persetujuan

dan persefahaman bersama yang telah dicapai di Bangkok itu, Jawatankuasa Tetap ASEAN telah juga mencapai kata sepakat dengan pegawai-pegawai Brunei Darussalam mengenai perkara-perkara berikut:

- (a) bahawa kemasukan Brunei ke dalam ASEAN akan dibuat deklarasi bersama seperti telah juga dengan penubuhan ASEAN dalam tahun 1967. Satu rang deklarasi tersebut sedangpun dirundingkan sekarang ini.
- (b) bahawa perasmian keanggotaan Brunei akan dilaksanakan dalam satu mesyuarat khas Menteri-menteri ASEAN yang akan diadakan di bangunan Sekretariat ASEAN di Jakarta. Perasmian itu adalah dalam bentuk menandatangani deklarasi bersama kemasukan Brunei ke dalam ASEAN.
- (c) bahawa perutusan rasmi antara ASEAN dengan Brunei bersangkutan dengan keanggotaan ASEAN ini dilakukan oleh Menteri Luar Indonesia selaku Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN.
- (d) bahawa lambang ASEAN dipinda sedikit dengan hanya menambah satu lagi batang padi dan menyusunkannya supaya ia seimbang dan tidak janggal dilihat, warna bentuk corak dan keterangan lambang ASEAN yang sedia ada tidak berubah.
- (e) Brunei akan membayar bahagian yurannya kepada Urusetia ASEAN sebaik sahaja ia menjadi anggota ASEAN;
- (f) bahawa mulai sekarang Brunei boleh mengikuti sebarang kegiatan ASEAN yang dikehendakinya, ini termasuklah mengikuti mesyuarat-mesyuarat peringkat Menteri ataupun pegawai

ASEAN. Untuk membantu Brunei membuat keputusan ini, Setiausaha Agung ASEAN telah dibenarkan memberikannya semua rekod-rekod dan perjanjian-perjanjian ASEAN yang bersangkutan;

- (g) Brunei juga diizinkan untuk mengikuti dailog-dailog ASEAN sebagai pemerhati khas dengan negara ketiga jika ia mahu dan jika negara dailog juga bersetuju. Negara-negara penyelaras telah diminta untuk memberitahu hal ini kepada negara dailog yang berkenaan. Sehingga sekarang Australia, New Zealand, Amerika Syarikat dan EEC telah menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa halangan jika Brunei mengikuti dailog-dailog yang telah dirancang.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini apakah setakat ini sumbangan ataupun peranan yang dimainkan oleh Brunei terhadap kerjasama serantau dalam ASEAN?

Kedua, bagaimanakah hubungan dua hala dengan negara-negara anggota ASEAN ini terutama sekali dengan negara kita Malaysia dan apakah aspek-aspek hubungan dua hala yang sedang dijalankan sekarang.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, saya minta ulang soalan yang pertama tadi kerana saya kurang dengar.

Tuan Ismail bin Said: Sebelum ia diterima menjadi anggota ASEAN ini apakah peranan dan sumbangan Brunei kepada kerjasama serantau dalam ASEAN.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Sebagaimana kita tahu setakat ini peranan Brunei dalam soal kerjasama ASEAN ini adalah merupakan kerjasama dua hala dengan negara-negara yang menjadi anggota ASEAN. Selepas ia menjadi anggota ASEAN barulah kita mengharapkan kerjasama multilateral di dalam bentuk ASEAN.

Mengenai hubungan dua hala antara Malaysia dengan Brunei, sebagaimana kita tahu kita memang banyak menawarkan bantuan-bantuan dalam Malaysian Technical Cooperation Programme kita dan banyak juga tempat-tempat latihan yang tertentu telah pun ditawarkan dan telah pun diterima oleh Brunei untuk diberi latihan di Malaysia.

Kita juga membenarkan pegawai-pegawai Brunei untuk menyertai rombongan-rombongan kita ke luar negeri termasuk juga dalam perwakilan tetap kita di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mendapat pengalaman. Begitu juga terdapat pegawai-pegawainya yang telah pun ditempatkan di Wisma Putra juga untuk mendapat pengalaman. Itulah di antara berbagai kerjasama dua hala yang sedang pun dilaksanakan sekarang ini.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Timbalan Menteri memberitahu dengan kemasukan Brunei ke dalam ASEAN, adakah Kerajaan bercadang menjemput negeri-negeri Burma dan Sri Lanka untuk menganggotai ASEAN juga?

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang Dipertua, pihak ASEAN akan menimbangkan sebarang permohonan yang akan dibuat oleh negara-negara yang ingin menjadi anggota ASEAN. Setakat ini kita belum pun menerima satu permohonan dari Burma.

Mengenai Sri Lanka kita memang mempunyai masalah sedikit sungguhpun Sri Lanka telah pun membuat permohonannya iaitu oleh sebab dianya duduk di luar geographical area yang kita katakan Tenggara Asia. Di samping itu sekarang ini sudahpun diwujudkan apa yang dikatakan South Asia Cooperation. Jadi, oleh sebab itu kita memang mempunyai sedikit masalah mengenai penyertaan Sri Lanka dalam ASEAN.

BEKALAN ELEKTRIK KE KAMPUNG-KAMPUNG DI KELANTAN

6. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapa banyakkah kampung-kampung di Kelantan dalam setiap yang telah dan akan mendapat bekalan elektrik dalam tahun 1983, 1984 dan 1985.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sukacita dimaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat ini sebanyak 1,180 buah kampung di seluruh daerah di negeri Kelantan telah dirangka, untuk diberi kemudahan bekalan elektrik.

Bagi tahun 1981 dan 1982 sahaja sebanyak 359 buah kampung mendapat kemudahan ini.

Sehingga penghujung tahun 1983 bilangan kampung yang dijangka akan mendapat kemudahan elektrik ialah sebanyak 74 buah kampung. Manakala bagi tahun 1984 dan 1985 pula kampung yang dijangkakan diberi kemudahan tersebut ialah sebanyak 373 dan 370 buah kampung.

Walau bagaimanapun, rancangan untuk mencapai matlamat ini adalah bergantung kepada kedudukan kewangan negara pada tahun-tahun yang berkenaan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan berapa peratuskah kampung-kampung di Kelantan yang telah mendapat bekalan elektrik setakat ini dan apakah Yang Berhormat sedar bahawa terdapat sekarang ini di kawasan-kawasan di mana tiang-tiang elektrik yang dipasang sampai bertahun-tahun masakan apinya ada, dawainya belum lagi ada. Jadi, agaknya bilakah tiang-tiang ini akan dipasang dengan dawai-dawai.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, tentang soalan yang pertama saya mohon notis untuk menjawabnya.

Tentang soalan yang kedua, sebagaimana saya terangkan tadi walaupun pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar membuat rancangan sehinggalah pada tahun 1985 tetapi perancangan ini terpaksa bergantung kepada kedudukan kewangan negara.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu apakah kriteria ataupun ukuran yang dipakai untuk menentukan keutamaan bekalan elektrik kepada kampung-kampung di pedalaman, adakah ia berdasarkan dekat dengan jalan misalnya barulah elektrik cepat diberi ataupun berdasarkan kepada makin jauh, makin pedalaman, makin mundur sesebuah kampung itu, itu diutamakan dahulu.

Kedua, berkenaan dengan projek-projek ketinggalan di tempat yang sudah ada bekalan hendak dibawa kepada 5, 6, 10 buah rumah yang memerlukan tiang lebih kurang 15-16 batang, pada masa ini kena buat permohonan baru, kadang-kadang

kena tunggu 2-3 tahun baru dapat sebelum diluluskan.

Adakah pihak Kementerian bercadang hendak menukarkan peraturan ini supaya projek-projek ketinggalan ini boleh diluluskan sertamerta dengan memberikan peruntukan yang sesuai.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, pihak Kementerian mengadakan perancangan bekalan elektrik ke kawasan luar menumpukan kepada beberapa faktor, salah satu daripadanya ialah kepada bilangan pengguna-pengguna itu sendiri.

Walaupun terdapat sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi beberapa buah rumah yang ketinggalan tetapi kita mesti menerima hakikat bahawa pembangunan rumah-rumah kampung selalu diteruskan dan mungkin di sebuah kampung itu telah pun dibekalkan 100% bekalan elektrik tetapi terdapat juga pembinaan rumah-rumah baru yang merupakan 2-3 buah sahaja yang dibina dan ini perlu dimasukkan ke dalam senarai pada tahun-tahun yang akan datang. Itulah yang saya boleh memberi maklumat kepada Ahli Yang Berhormat. Tetapi jika terdapat beberapa tempat di kawasan Ahli Yang Berhormat, bolehlah Yang Berhormat berhubung dengan Kementerian untuk mendapat bekalan seterusnya.

PERMOHONAN KERAKYATAN MALAYSIA—ADUAN

7. **Tuan V. Govindaraj** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah aduan-aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan mengenai kelambatan dalam meluluskan permohonan untuk kerakyatan Malaysia, dan apakah tindakan yang diambil oleh Biro itu terhadap aduan-aduan tersebut dalam 5 tahun yang lalu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Lee Kim Sai): Tuan Yang Dipertua, jumlah aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam mengenai kelambatan meluluskan permohonan kerakyatan Malaysia dari Januari, 1978 hingga 30hb September, 1983 ialah 746. Kesemua ini telah disiasat dan sejumlah 523 dapat diselesaikan. Semua aduan yang diterima adalah disiasat dengan bertujuan supaya masalah dapat diselesaikan secepat mungkin.

Meskipun demikian, tiap-tiap aduan yang diterima oleh Biro akan ditapis dengan teliti sebelum tindakan selanjutnya diambil. Jika didapati butir-butir tidak jelas atau tidak cukup, aduan perlu dirujuk semula kepada pengadu baginya memberi butir-butir lanjut kepada Biro Pengaduan Awam. Jadi tempoh penyelesaian aduan-aduan bergantung kepada jenis-jenis kes serta tahap kerumitannya. Jika tidak sebegitu rumitkan, ia boleh diselesaikan dengan tempoh masa yang singkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suka saya memberitahu bahawa tiap-tiap aduan yang diterima akan disiasat sehingga tercapai penyelesaian, walaupun penyiasatan akan berlanjutan pada tahun-tahun berikutnya.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menjelaskan bahawa jumlah permohonan-permohonan yang diterima oleh Biro Pengaduan 746 dan yang telah diselesaikan 523; bermakna baki lagi 223. Yang 223 ini adakah ditolak ataupun ada yang ditolak dan ada yang akan dirujuk semula kepada pemohon-pemohon?

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, baki itu masih dalam pertimbangan Kementerian yang berkenaan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut pengetahuan saya ramai pemohon kerakyatan diberitahu bahawa pertimbangan permohonan mereka berada di dalam peringkat terakhir, tetapi masih tidak mendapat apa-apa jawapan buat beberapa tahun. Apakah yang dimaksudkan sebagai "pertimbangan peringkat terakhir" ini dan adakah ini bermakna bahawa pemohon telah memenuhi semua syarat dan hanya menunggu keputusan yang terakhir? Bagi kes-kes ini adakah Biro yang berkenaan ini dapat mempercepatkan keputusan kes-kes ini?

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, kalau ada kes seperti ini dirujuk kepada Biro, Biro Pengaduan Awam akan mengambil tindakan untuk menolong pengadu-pengadu itu menyiasat sama ada kes itu dalam peringkat terakhir ataupun dalam peringkat timbangan. Walau bagaimanapun, Biro Pengaduan Awam tidak dapat membuat apa-apa dalam perkara ini kerana kuasa meluluskan itu dalam Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tiap-tiap aduan, Biro Pengaduan Awam menjalankan penyiasatan. Saya ingin tahu di dalam penyiasatan Biro apakah sebab-sebab berlakunya kelewatan meluluskan permohonan untuk mendapatkan kerakyatan Malaysia ini. Sama ada kelewatan ini terletak di atas kesalahan pemohon-pemohon itu sendiri kerana tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki ataupun terletak kepada Kerajaan. Di dalam siasatan pihak Biro, sama ada aduan itu diterima daripada orang-orang yang berhak untuk mendapat kerakyatan ataupun daripada orang-orang yang cuma mempunyai keistimewaan untuk mendapat kerakyatan.

Dato Lee Kim Sai: Tuan Yang Dipertua, mengikut siasatan Biro Pengaduan Awam didapati ada pengaduan ataupun permohonan yang kadang-kadang kurang diberi butir-butir yang diperlukan dan kadang-kadang dari siasatan Biro Pengaduan Awam didapati surat-surat yang dihantar kepada pengadu itu tidak dapat diterima. Selepas disiasat, kebanyakan kes ini dapat diselesaikan apabila sempurna atau lengkap diberi butir-butir yang berkenaan. Tetapi kes-kes seperti ini tidak begitu banyak dan kes-kes yang mengikut peraturan ataupun telah memenuhi syarat-syarat yang berkenaan, kebanyakan diluluskan.

PERDA—AHLI-AHLI LEMBAGA

8. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) mengapa komposisi ahli-ahli Lembaga PERDA tidak mencerminkan komposisi kaum Negeri Pulau Pinang;
- (b) sama ada Kerajaan telah meluluskan permohonan Kementerianya untuk mendapatkan peruntukan \$45 juta untuk melaksanakan projek-projek PERDA untuk tempoh 1983-1985; dan
- (c) butir-butir lanjut tentang projek-projek yang bakal dijalankan oleh PERDA dalam tahun 1983-1985.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang Dipertua,

- (a) Mengikut seksyen 5 (1), Akta 282, akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983, Menteri boleh melantik seorang menjadi Ahli Lembaga PERDA tanpa mengikut komposisi kaum

dan bukanlah menjadi satu amalan di mana komposisi kaum digunakan di dalam sebarang perlantikan Ahli Lembaga.

- (b) Pada masa ini semua projek-projek PERDA masih lagi di dalam kajian, terutama sekali bagi projek-projek 1984 dan 1985 kerana projek-projek berkenaan mestilah dimasukkan dahulu dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Oleh kerana PERDA baru sahaja ditubuhkan pada bulan Jun, 1983 yang lalu, maka tiada projek-projek yang khusus yang dapat dijalankan. Kementerian telah mencadangkan untuk mendapat peruntukan sebanyak \$6.78 juta dan dijangka melalui Belanjawan ini Kerajaan dan Dewan ini dapat meluluskannya.
- (c) Jawapannya adalah seperti yang terdapat dalam jawapan (b).

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu adakah benar bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mencadangkan satu penama untuk jawatan Pengurus Besar PERDA, tetapi cadangan ini ditolak oleh Kementerianya?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, perlantikan Pengurus Besar dan juga cadangan bagi Ahli-ahli Lembaga Pengarah boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri dan keputusannya adalah melalui perundingan dengan timbang terima yang baik daripada Kementerian dan Yang Berhormat Menteri sendiri. Saya percaya perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak berlaku lagi dan telah mendapat persetujuan dengan Kerajaan Negeri.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa PERDA mempunyai objektif-objektif menyeluruh yang merangkumi banyak bidang, adakah projek-projek PERDA mungkin akan bertindan (overlap) dengan projek-projek yang dilaksanakan oleh badan-badan Kerajaan yang sedia ada sekarang, seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan sebagainya? Dan bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk menyelaraskan projek-projek PERDA dengan projek-projek badan-badan Kerajaan yang lain supaya mengelakkan pertindanan seperti ini?

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang Dipertua, soalan "mungkin" ini boleh jadi tidak mungkin dan saya percaya sebarang projek yang akan dijalankan oleh PERDA ini akan dipertimbangkan oleh Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan sudah tentu akan dibentangkan bersama perbincangan dengan Kerajaan Negeri. Dan sekiranya terdapat projek yang bertindih, maka sudah tentulah salah satu daripada badan yang terlibat dengan projek ini akan berunding untuk memberi persetujuan manakah badan yang perlu menjalankan usaha ini.

Di samping itu, Tuan Yang Dipertua, saya percaya sebarang projek yang akan dijalankan oleh badan-badan Kerajaan adalah untuk memberi kepentingan kepada rakyat keseluruhannya.

PROJEK SUSU SEKOLAH

9. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah ciri-ciri yang diambil kira untuk menentukan pemilihan 21 daerah/kawasan Projek Susu Sekolah yang telah dilancarkan baru-baru ini. Dan adakah Kerajaan akan mengadakan projek tersebut di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang Dipertua, Projek Susu Sekolah yang telah dilancarkan baru-baru ini adalah dijalankan sebagai satu projek perintis di 21 kawasan yang terpilih. Tujuan-tujuan projek perintis ini adalah penentuan sambutan pihak murid-murid sekolah rendah terhadap susu lembu dengan perasa coklat dan pengkajian mengenai berbagai aspek-aspek yang berkaitan dengan pengeluaran dan pembekalan susu serta aspek-aspek logistik. Untuk mendapatkan satu gambaran keseluruhannya berkaitan dengan perkara-perkara tersebut di atas, beberapa daerah dan kawasan di Semenanjung Malaysia telah pun dipilih berasaskan kepada kriteria-kriteria atau ciri-ciri seperti berikut:

- (a) kawasan dalam dan di luar bandar diberi peluang yang sama;
- (b) pengalaman berkaitan dengan rancangan pembekalan susu ke sekolah-sekolah pada masa dahulu iaitu daerah dan kawasan yang telah terlibat dan belum terlibat dalam rancangan Bekalan Susu Sekolah di bawah Rancangan Makanan Tambahan di sekolah sebelum tahun 1983; dan
- (c) sekurang-kurangnya sebuah daerah dan kawasan di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia dipilih.

Selain daripada kriteria-kriteria yang tersebut di atas berkaitan dengan daerah dan kawasan yang terpilih, faktor-faktor dari segi kebolehan syarikat pengeluar susu yang berkenaan terhadap jumlah kuantiti susu yang boleh diproses dan dibekal serta usaha-usaha logistik dan pengurusan yang perlu dikendalikan juga telah dipertimbangkan.

Berkenaan dengan soalan adakah Kerajaan akan mengadakan projek tersebut di seluruh negara, jawapan

saya ialah Kementerian sedang membuat kesediaan untuk menjalankan projek ini untuk seluruh negara dan diharap ini akan dilancarkan pada awal Penggal Kedua tahun depan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Setahu saya ramai daripada budak-budak kita berada dalam keadaan lactose intolerance, iaitu mereka tidak sanggup minum susu lembu dan sebagainya tanpa reaksi yang tertentu. Bagi mereka ini adakah Kerajaan bercadang untuk memberi makanan tambahan yang lain untuk menggantikan susu.

Dato' Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang Dipertua, berasaskan dengan maklum balas yang kita telah dapat selepas pelancaran projek perintis ini masalah lactose intolerance tidak jadi masalah.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Datuk Alfred Jabu anak Numpang.

(Soalan No. 10 Y.B. Datuk Alfred Jabu anak Numpang tidak hadir).

PETRONAS—PERMIT STESEN PETROL

11. Wan Zainab binti M.A. Bakar minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah Permit telah diperuntukkan oleh PETRONAS untuk mengadakan Stesen Petrol di seluruh Malaysia dan berapa peratuskah Permit ini telah dikeluarkan untuk Bumiputera.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, PETRONAS tidak mengeluarkan atau memperuntukkan permit-permit untuk mengadakan stesen-stesen service petrol. Kuasa untuk mengeluarkan permit-permit ini terletak kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sahaja.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menyatakan PETRONAS tidak mengeluarkan permit untuk menjalankan stesen minyak petrol. Tetapi selain daripada itu saya difahamkan bahawa pihak PETRONAS menjalankan stesen minyak diesel. Jika ada, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu berapakah jumlahnya setakat ini dan berapakah stesen minyak diesel yang dijalankan oleh PETRONAS ini telah pun diserahkan kepada pihak bumiputera dan tidak diserahkan, bilakah agaknya stesen ini akan diserahkan kepada bumiputera.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya jelaskan tadi PETRONAS tidak mengeluarkan permit. Memang PETRONAS sendiri menjalankan perniagaan stesen-stesen servis petrol dan PETRONAS sendiri terpaksa memohon kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mendapat permit-permit.

Tuan Yang Dipertua: Diesel pun.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Dan minyak diesel.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan bahawa PETRONAS sedang menjalankan stesen-stesen minyak petrol dan diesel. Memanglah kita dapat lihat bangunan-bangunan stesen minyak ini dibangunkan di merata negeri di tanahair kita ini dan saya difahamkan stesen-stesen minyak ini dijalankan oleh ejen-ejen yang dilantik oleh pihak PETRONAS. Bolehkah saya dapat tahu apakah syarat-syarat dan bagaimanakah pihak PETRONAS membuat pemilihan kepada ejen-ejen ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf kerana soalan daripada Ahli Yang Berhormat ini tidak bersangkutan dengan soalan asal sebab soalan asal menanyakan berapa banyakkah permit yang dikeluarkan oleh pihak PETRONAS.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan jumlah stesen PETRONAS yang diadakan menjelang akhir tahun 1984 dan dalam memperluaskan stesen PETRONAS, adakah Kerajaan bercadang menghadkan bilangan stesen petrol swasta seperti Shell, Esso dan Mobil. Jika tidak, adakah beliau bersetuju bahawa persaingan yang akan timbul akan menjejaskan stesen-stesen PETRONAS dan seterusnya usaha-usaha Kerajaan untuk mengembangkan aktiviti-aktiviti downstream PETRONAS yang menjadi dollar spinner yang utama.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya hanya boleh menjawab soalan pertama. Untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa terdapat 5 buah stesen servis petrol yang dijalankan sendiri oleh PETRONAS.

Tuan Alias bin Md Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa PETRONAS ada menjalankan 5 buah petrol stesen di negara ini. Saya ingin bertanya sama ada benar bahawa PETRONAS nampaknya memberi keutamaan kepada pembukaan petrol stesen ini di kawasan-kawasan yang memang sudah sedia ada petrol-petrol stesen syarikat-syarikat lain di sekitarnya dan tidak memberi keutamaan kepada kawasan-kawasan di mana langsung tidak ada petrol stesen seperti di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, saya minta maaf, soalan ini tidak bersangkutan dengan soalan asal.

Tuan Yang Dipertua: Saya pun sedar itu.

Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir).

MINYAK SAWIT BAGI MENGETAR JALANRAYA

13. Wan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kerjaraya menyatakan sejauh manakah prestasi penggunaan minyak sawit yang digunakan bagi mengetar jalanraya dan berapa peratus pengurangan kosnya.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman): Tuan Yang Dipertua, soalan Yang Berhormat ini ada berkaitan dengan soalan yang telah dijawab pada 9hb November, 1983 dan saya tidak ada berniat untuk membuat apa-apa tambahan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

Tuan Yang Dipertua: Soalan berbalik semula. Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam.

Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis: Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama.

TEKNOLOGI JEPUN DAN KOREA SELATAN—PEMINDAHAN

1. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sejak Dasar Pandang ke Timur

dilancarkan, Negeri Jepun dan Korea Selatan telah benar-benar memindah teknologi dan mengadakan pelaburan bersama dengan pengusaha-pengusaha kita, jika ya, sebutkan jenis-jenis teknologi yang telah dipindah ke negara kita dan jenis serta jumlah pelaburan yang telah dibawa masuk ke Negara kita.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, usaha-usaha pemindahan teknologi daripada Jepun dan Korea Selatan memang telah dijalankan semenjak Dasar Pandang ke Timur dilancarkan. Teknologi yang dipindahkan meliputi berbagai bidang seperti teknologi perindustrian dan pembuatan, teknologi binaan, teknologi penyelidikan dan saintifik serta teknologi kejuruteraan dan pengurusan. Usaha-usaha ini adalah merupakan satu usaha yang akan dijalankan secara berterusan.

Semenjak tahun 1981 iaitu tahun Dasar Pandang ke Timur dilancarkan, sejumlah \$222.2 juta pelaburan daripada Jepun telah dibawa masuk ke negara ini sementara jumlah pelaburan daripada Korea Selatan pula adalah bernilai \$4.1 juta. Pelaburan yang dibawa masuk oleh Jepun dan Korea Selatan terbahagi kepada dua jenis, usahasama dan 100% Jepun atau Korea Selatan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, apakah benar dasar pandang ke Timur ini negara Korea dan juga negara Jepun telah mendapat keuntungan yang lebih kalau kita bandingkan dengan perpindahan teknologi dan juga pelaburan yang ditanam dalam negara kita.

Jikalau benar, apakah dasar pandang ke Timur merupakan dasar yang kekal atau berpanjangan ataupun

merupakan dasar sementara; sementara kita mendapat keuntungan dan faedah-faedah daripada dasar kita ini.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar bahawa dasar pandang ke Timur ini menguntungkan negara-negara Jepun dan Korea Selatan. Sepertimana yang saya jelaskan tadi usaha-usaha ini adalah merupakan satu usaha yang dijalankan secara berterusan tetapi untuk makluman Yang Berhormat dan ingin saya menjelaskan di sini bahawa kontrak-kontrak, jikalau Yang Berhormat maksudkan kontrak-kontrak yang dimenangi oleh kontraktor-kontraktor Jepun dan Korea Selatan, ini adalah tidak kena mengena dengan dasar pandang ke Timur.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan bermaksud hendak, dengan izin, mengquantifykan cost pemindahan teknologi yang didatangkan daripada projek-projek yang diberi kepada Jepun dan Korea ini dan membandingkannya dengan kos kiranya kita menghantar pekerja-pekerja kita sendiri dilatih di Korea dan Jepun.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memang perkara ini dijalankan, dua-dua sekali, tetapi buat masa sekarang tidak boleh hendak dinilai apakah keuntungan yang kita sendiri telah mendapat dalam bidang teknologi yang telah pun dipindahkan kepada pekerja-pekerja tanahair kita.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Timbalan Menteri menyatakan apakah masalah-masalah yang dialami dalam pemindahan teknologi ini dan sama ada bahasa merupakan salah satu daripada

masalah-masalah itu. Jika ia, apa tindakan Kementerian untuk mengatasinya.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memang dalam apa sahaja dasar yang akan dijalankan mesti ada masalah-masalahnya, tetapi perkara ini boleh diatasi dan masalah bahasa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi adalah satu masalah yang kecil sahaja.

Tuan Yang Dipertua: Soalan penghabisan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Soalan yang pertama, adakah benar bahawa dalam hal pemindahan teknologi daripada Jepun, terutamanya setengah-setengah teknologi yang dibawa bukan sahaja teknologi tetapi alat-alat komponen dan sebagainya sebenarnya ada dalam negara kita, tetapi kebanyakan kontraktor-kontraktor dan pengusaha-pengusaha Jepun lebih suka menggunakan teknologi daripada Jepun sendiri sedangkan alat-alatnya di sini.

Yang keduanya pada masa ini daripada segi perusahaan pengusaha-pengusaha Jepun di negara ini dijalankan secara joint venture dengan pengusaha Jepun itu sendiri menjadi leader kepada projek-projek dalam negara kita. Tidakkah Kerajaan berhasrat supaya keadaan ini kita terbalikkan iaitu bagi projek-projek yang dibuat oleh pengusaha-pengusaha dan kontraktor-kontraktor Jepun, mereka datang usahasama dengan kontraktor kita tetapi kontraktor kita yang akan menjadi leader dalam kontrak yang diperolehi. Terima kasih.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang Dipertua, memang perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat disadari oleh Kerajaan dan dalam kajian Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dengan merundingkan

dengan pihak-pihak yang tertentu. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat juga di dalam projek-projek yang dilaksanakan sekarang ini beberapa syarat telah pun ditentukan oleh pihak Kerajaan supaya kontraktor-kontraktor asing terutama sekali daripada Jepun dan Korea Selatan menganjurkan program latihan seperti on-the-job-training sebelum latihan ataupun pre-construction training kepada pekerja-pekerja tempatan dan juga ini menjadi hasrat Kerajaan supaya perkara ini diperkembangkan seterusnya dan kontraktor-kontraktor tempatan akhirnya akan dapat mempelajari teknologi dan teknik-teknik moden yang diperkenalkan oleh negara-negara yang disebutkan tadi.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 4.

CUKAI JALAN— MEMANSUHKAN

4. Tuan Ismail bin Said (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar Kementeriannya telah membuat satu kajian terperinci terhadap kemungkinan memansuhkan cukai jalan bagi kenderaan dan sebaliknya menambahkan cukai petrol/diesel; jika ya, sama ada kajian ini didapati "feasible" dan bila akan ia diumumkan dan dilaksanakan.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, setakat ini belum ada sebarang kajian, jauh sekali kajian terperinci, yang telah dibuat untuk memansuhkan cukai jalan dan menggantikannya dengan cara menambahkan cukai petrol atau pun diesel seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang Dipertua, dalam jawapannya tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan beliau belum ada mempunyai kajian yang dijalankan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sebab-sebabnya dan adakah beliau bercadang dimasa akan datang untuk membuat kajian ini?

Dato Sabbaruddin Chik: Tidak bercadang langsung, Tuan Yang Dipertua (*Ketawa*).

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Datuk Alfred Jabu anak Numpang.

Tuan Richard Dampeng anak Laki: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 10.

SAGO—PERUNTUKAN MENANAM

10. Tuan Richard Dampeng Anak Laki (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian beliau dapat memperluaskan lebih banyak peruntukan menanam sago untuk menampung kehidupan petani-petani yang menerokai di kawasan paya di tepi sungai di Sarawak seperti di Saribas, Mukah, Oya, Balingian dan Kalaka.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, adalah dianggarkan bahawa terdapat seluas 26,000 ekar tanaman sago di daerah-daerah Mukah, Dalat, Saribas dan Kalaka yang merupakan daerah-daerah di mana tanaman sago didapati merupakan tanaman tradisi.

Menyedari akan kepentingan tanaman ini sebagai sumber pendapatan petani-petani di kawasan pantai, Jabatan Pertanian Sarawak telah memperkenalkan Rancangan Subsidi Sago bagi menyediakan bantuan pemulihan sago dengan kadar \$600.00 seekar bagi tempoh selama empat tahun.

Semenjak permulaan rancangan ini di dalam tahun 1979 hingga tahun 1982, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$2,280,506 bagi meluluskan sejumlah 2,206 permohonan subsidi yang meliputi kawasan seluas 6.075 ekar. Program bantuan pemulihan ini adalah bertujuan meningkatkan pendapatan dan meninggikan daya pengeluaran tanaman tersebut.

Soal menambahkan lagi peruntukan untuk tanaman ini adalah bergantung kepada prospek komoditi ini pada masa hadapan dari segi harga dan potensi pasarannya di dalam dan di luar negeri yang mana kajian-kajian yang lebih mendalam mengenai tanaman ini harus dijalankan.

Ini adalah selaras dengan usaha Kementerian buat masa ini untuk menentukan corak-corak tanaman yang sesuai di satu-satu kawasan betul-betul mempunyai potensi permintaan dan pasaran bagi menjamin pendapatan yang lumayan kepada petani-petani.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

Tuan Fung Ket Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 12.

PENDATANG HARAM— KEJADIAN JENYAH

12. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) hingga bulan Ogos tahun ini berapakah perbuatan jenayah yang telah dilakukan oleh pendatang-pendatang haram; dan
- (b) apakah tindakan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kebanjiran orang-orang luar negeri yang tak sah dan perbuatan jenayah.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang Dipertua, dari perangkaan jenayah bagi seluruh negara, adalah didapati bahawa penglibatan pendatang haram dalam kejadian jenayah bagi bulan Januari-Ogos, 1983 adalah rendah dan terkawal. Dari jumlah 5,431 kes jenayah kekerasan yang dilaporkan dalam tempoh tersebut, hanya 122 kes atau 2.24% sahaja dilakukan oleh pendatang haram. Hanya 112 kes dari jumlah 42,369 atau 0.26% kes jenayah harta benda yang dilaporkan telah dilakukan oleh pendatang haram. Pada keseluruhannya dari jumlah 47,800 jenayah yang dilaporkan dalam tempoh ini, hanya 234 kes atau 0.48% sahaja telah dilakukan oleh pendatang haram.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya maklumkan bahawa negara tidak menghadapi kabanjiran dari segi kemasukan orang-orang asing secara haram. Dalam pada itu, Kerajaan sedang mengambil tindakan tegas mengikut Undang-undang Imigresen yang berkuatkuasa sekarang bagi mengesan, menangkap, mendakwa dan menghantar balik pendatang-pendatang haram tanpa mengira negara asal mereka.

Kerajaan sedang mengambil tindakan positif untuk mencegah serta mengurangkan berlakunya jenayah dengan cara melaksanakan berbagai rancangan dan strategi pencegahan. Kerajaan berpuashati dengan tindakan yang diambil oleh pihak Polis bagi mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Di samping itu, kejayaan untuk mencegah dan membentarkan kegiatan jenayah merupakan tanggungjawab bersama rakyat dan Kerajaan. Sekiranya rakyat sentiasa berwaspada dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya kegiatan jenayah di rumah atau di kawasan

masing-masing, maka sebarang kegiatan jenayah akan dapat dicegah dengan berkesan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan sebanyak 122 kes perbuatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang haram. Soalan saya daripada angka itu apakah jumlah yang merupakan kes-kes rogol?

Soalan kedua, apakah jumlah pendatang-pendatang haram yang masih ada di penjara kerana perbuatan jenayah?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu bertujuan untuk mengetahui daripada 122 kes itu berapa ramai pula yang melakukan kes rogol. Jawapannya dengan tepat, saya suka beritahu kepada Ahli Yang Berhormat iaitu 291.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat kata tadi 122 kes ke semuanya, macam mana rogol itu berjumlah 291 kes?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Ini mengikut laporan yang kami terima—termasuk yang dilakukan.

Tuan Yang Dipertua: Ya, laporan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Dan berhubung dengan soalan yang kedua itu, soalan Ahli Yang Berhormat itu saya rasa tidak timbul.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, kedatangan rakyat daripada negara jiran itu adalah untuk memenuhi tenaga kerja atau buruh di negara kita dan ini telah dianjurkan oleh negara jiran kita iaitu Kerajaan Indonesia yakni mereka itu datang ada mempunyai Pas Kerja. Dan adakah tindakan ini merupakan satu tindakan

yang baik dan apakah pihak Kementerian bercadang mana-mana pendatang haram itu supaya mereka itu mendapatkan Pas Kerja daripada pihak Kerajaan yang mereka datang?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, soalan yang kita bincang pada hari ini ialah mengenai pendatang haram dan tidak lain daripada itu.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Sukacita saya bertanya Timbalan Menteri Dalam Negeri tentang pendatang haram yang melakukan jenayah sesama mereka sendiri kemudian dihadapkan ke mahkamah dan disabitkan oleh mahkamah dikenakan hukuman penjara panjang masa. Adakah Kerajaan Malaysia menghantarkan pesalah itu dijel di dalam negeri asal mereka ataupun dijel dalam negeri kita sepanjang masa dan Kerajaan kita menanggung makan minum dan segala-galanya selama berada dalam jel di sini?

Soalan yang kedua, kalau seseorang pendatang haram yang melakukan jenayah dengan orang-orang Malaysia atau rakyat Malaysia, bagaimanakah pula hukumannya, adakah sama sebagaimana apa yang dilakukan sesama mereka sendiri ataupun tak sama?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab soalan yang pertama, dari segi layanan dan hukuman kita berasas kepada undang-undang yang wujud pada hari ini. Begitu juga berhubung dengan soalan yang kedua. Kita bergantung kepada undang-undang yang wujud pada hari ini.

Saya berharap Ahli Yang Berhormat merujuk kepada undang-undang yang ada pada hari ini.

Datp' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Yang Berhormat Timbalan Menteri

tadi telah menerangkan ada lebih kurang 120 orang pendatang haram yang telah melakukan jenayah. Saya ingin bertanya dari manakah negara-negara asal mereka—pendatang haram yang suka buat jenayah di negara kita?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, ini terdiri daripada pendatang-pendatang haram dari Filipina dan Indonesia.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus—Penghabisan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah terdapat laporan daripada pendatang haram Vietnam khususnya yang membuat aduan palsu terhadap apa yang dikatakan jenayah rogol, rompak-samun dan sebagainya terhadap mereka? Kalau ada, bolehkah diterangkan sedikit berapa banyak kesnya? Dan adakah tidak benar bahawa pendatang haram ini membuat laporan palsu ini kerana mereka hendak memastikan bahawa mereka akan mendapat perlindungan dan perkara ini mendatangkan banyak juga kerumitan dan masalah kepada penduduk rakyat tempatan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang Dipertua, kita belum lagi menerima aduan sebagaimana yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 14.

PINJAMAN KEPADA EKSEKUTIF KANAN BANK BUMIPUTRA/BMF

14. **Tuan Fung Ket Wing** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar Bank

Bumiputra kini menghadapi kesulitan untuk mendapatkan balik kira-kira \$10 juta yang diterima oleh beberapa orang eksekutif-eksekutif kanannya dan juga dari eksekutif-eksekutif kanan anak syarikatnya, Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong, berkait dengan pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada Kumpulan Carrian, Kumpulan Eda dan Kevin Hsu; dan sama ada Biro Pencegah Rasuah telah dipanggil untuk menyiasat perkara tersebut.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, saya diberitahu bahawa pihak Bank Bumiputra mengikut siasatan yang dijelankannya setakat ini tidak mempunyai sebarang bukti bahawa wang sejumlah yang didakwa oleh penyoal soalan tadi telah diterima oleh beberapa orang eksekutif kanannya dan juga eksekutif kanan anak syarikatnya iaitu BMF berhubung dengan pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada tiga syarikat itu di Hong Kong.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Timbalan Menteri memberitahu untuk menyatakan bentuk penyiasatan yang telah diputuskan oleh Kerajaan ke dalam skandal BMF dan apa tindakan telah diambil ke atas bekas pengarah-pengarah (directors) Bank Bumiputra? Jika tidak, mengapakah Kerajaan mengambil masa yang begitu panjang untuk membuat keputusan atas suatu perkara yang begini penting?

Adakah Kerajaan sedar bahawa kelambatan proses untuk membuat pengumuman atau keputusan ini juga adalah sendirinya menjadi satu skandal?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada minggu yang lepas di Dewan yang mulia ini, Kerajaan sedang menimbangkan supaya satu kajian yang menyeluruh dan kemungkinan, dengan izin, satu

"Commission of Enquiry" akan diadakan. Sebelum Commission of Enquiry ini dijalankan, jadi kita tidak boleh begitu pasti tentang kesalahan-kesalahan berkaitan dengan perkara ini. Jadi, saya harap kita tunggu keputusan-keputusan Kerajaan, bersabar dahululah sehingga Commission of Enquiry ini dibuat dan selepas itu tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya kalau sekira Commission of Enquiry ini dibuat sudah tentunyalah Ahli-ahlinya akan terdiri daripada mereka yang mempunyai kedudukan yang kita tidak perlu soalkan dari segi kejujuran mereka.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang Dipertua, adakah Timbalan Menteri bersetuju kesalahan-kesalahan atau tidak mengenai directors ini tidak bersangkutan dengan Commission of Enquiry.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, soal saya bersetuju, saya tidak bersetuju, tidak timbul. Soalannya apa yang saya katakan tadi selagi belum dijalankan penyelidikan yang menyeluruh, jadi sukarlah bagi saya, termasuklah Ahli Yang Berhormat sendiri hendak membuat keputusan. Jadi kalaulah keputusan itu kita buat sendiri, itu barangkali keputusan kita sahaja. Tetapi tidak boleh dianggap sebagai keputusan yang boleh diterima dari pihak umum. Jadi kita haraplah selagi Commission of Enquiry belum dibuat, belum dijalankan, kita terpaksa menunggu dahulu. Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat hendak fikirkan sendiri, itu terpulanglah Ahli Yang Berhormat mempunyai kuasa bersendirinya. Tetapi dari segi saya atau Kerajaan, selagi Commission of Enquiry ini, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, tidak dibuat tidak dijalankan selagi itulah kita belum pasti secukup-cukupnya mengenai perkara ini.

Tuan Yang Dipertua: Soalan sudah habis.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, saya ingin mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah diluluskan di dalam Jawatankuasa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang San): Saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan untuk Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah diluluskan di dalam Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-

undang Perbekalan, 1984 dan anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sesebuah-buah Majlis". (Hari Ketujuh).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa).

(Tuan Yang Dipertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 21 (Jadual)—

Maksud P. 21 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tenggaruh, sila sambung.

3.36 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaruh): Tuan Pengerusi, sambungan saya dan saya merujuk kepada muka surat 185 Butiran 1100, Program 2 C. Walaupun Kerajaan memperuntukkan kawasan-kawasan tanah untuk dijadikan padang ragut tetapi oleh kerana sebahagian besar daripada kawasan-kawasan tanah tersebut tidak diusahakan menyebabkan binatang-binatang ternakan seperti lembu, kambing dan kerbau berkeliaran di sana-sini di kampung-kampung mahupun di kawasan-kawasan pekan. Binatang-binatang ternakan yang dilepaskan dan berkeliaran ini menimbulkan banyak masalah kepada orang ramai. Penternak sendiri sering mengadu kehilangan binatang ternakan mereka.

Kemalangan jalanraya juga sering berlaku hingga ada di antara kemalangan-kemalangan tersebut yang menyebabkan kematian, mati manusia dan juga binatang ternakan itu. Apa yang paling mendukacitakan ialah mengenai binatang ternakan yang berkeliaran ini, binatang-binatang tersebut memusnahkan tanaman-tanaman. Perkara ini sering mencetuskan perbalahan di antara

penternak dan mereka yang bercucuk-tanam. Jika sekiranya perkara-perkara seumpama ini tidak dibendung, perkelahian sesama masyarakat kampung mungkin akan berlaku, pergaduhan-pergaduhan akibat daripada pemusnahan tanaman-tanaman oleh binatang ternak ini telah pun tercetus.

Oleh hal yang demikian, sukaiah saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya tanah-tanah yang telah dirizabkan oleh Kerajaan sebagai tanah rizab padang ragut itu dibangunkan segera, ditanam dengan rumput-rumpai untuk dijadikan makanan binatang ternakan ini dipagar baik-baik dan binatang ternakan tersebut dilepaskan di dalam kawasan padang ragut itu untuk mereka meneruskan penghidupan.

Yang kedua, Kerajaan hendaklah mensyarat kepada tiap-tiap penternak bahawa mereka hendaklah memelihara binatang ternakan di dalam kawasan-kawasan padang ragut yang disediakan oleh Kerajaan. Jika sekira kawasan padang ragut tersebut berhampiran dengan tempat mereka tinggal. Jika sekiranya mereka tinggal jauh daripada kawasan padang ragut Kerajaan mensyarat kepada penternak ini supaya mengikat binatang-binatang ternakan mereka agar binatang itu tidak berkeliaran lepas di sana-sini.

Yang ketiga, untuk mengelakkan kecurian dan kehilangan binatang ternakan masing-masing, Kerajaan hendaklah mengarahkan penternak-penternak supaya menandakan binatang ternakan yang mereka pelihara.

Yang keempat, penjual-penjual daging dikehendaki memiliki surat kebenaran sembelih pada tiap-tiap kali mereka hendak menyembelih binatang ternakan ini di samping mereka diperlukan juga mengemukakan surat jual-beli binatang-binatang ternakan yang hendak disembelih. Perkara ini

penting kerana pada masa yang lepas terdapat aduan, rungutan dan tuduhan mengenai kehilangan dan pencurian binatang ternakan ini. Ada penternak yang mengadu binatang ternakan mereka dicuri, disembelih dan dagingnya dijual kepada orang ramai. Jika sekiranya perkara ini tidak diambil perhatian, ianya mungkin akan menjadi lebih berleluasa pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengeusi, saya beralih kepada Program 3 (a), Perikanan. Suatu perkara yang saya ingin kemukakan berhubung dengan perkara ini ialah mengenai penguatkuasaan undang-undang sempadan menangkap ikan, iaitu peraturan sempadan menangkap ikan antara negeri dan peraturan sempadan menangkap ikan antara jenis-jenis tangkapan seperti yang dikuatkuasakan sekarang. Tujuan peraturan seperti yang dikuatkuasakan pada masa ini memang baik. Baik dari sudut nelayan-nelayan tradisi yang dengan adanya peraturan ini, tidak diganggu-gugat lagi oleh nelayan-nelayan yang mempunyai bot lebih daripada 40 tan seperti nelayan-nelayan pukut jerut, nelayan pukut tangkul, nelayan pukut tunda besar. Nelayan-nelayan tradisi juga boleh dengan adanya peraturan seumpama ini memancing dan mendapat hasil yang lumayan mereka boleh menahan jaring tersebut tanpa dilanggar oleh pukut-pukat tunda, boleh memasang bubu dan bubu-bubu mereka tidak dimusnahkan oleh pelanggaran pukut-pukat tunda itu.

Mengikut peraturan sempadan menangkap ikan antara jenis tangkapan menyatakan bahawa kawasan di antara kosong sehingga 5 batu dari pantai, bererti pantai biasa dan juga pantai-pantai pulau, kawasan ini dikhaskan untuk nelayan-nelayan tradisi sahaja. Dan di antara 5 hingga 12 batu dari pantai kawasan ini dibolehkan untuk bot-bot yang beratnya tidak lebih daripada 40 tan,

kalau saya silap minta tolong memperbetulkan, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada. Di kawasan-kawasan 12 batu dari pantai dibolehkan kepada semua jenis bot.

Mengenai sempadan antara jenis tangkapan seperti yang saya sebutkan tadi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri di sini, ke perairan Mersing Johor dan juga perairan Rompin, Pahang. Perairan ini banyak mempunyai pulau-pulau. Pulau-pulau ini pula berselerak di antara satu sama lain. Dan perselerakannya adalah jarak jauh di antara 2 buah pulau di antara 5 hingga 10 batu dan pulau-pulau yang terjatuh dari pantai Mersing ialah Pulau Aur, Pulau Pemanggil dan Pulau Tioman. Jarak jauhnya kira-kira Pulau Aur 40 batu, Pulau Pemanggil 30 batu dan juga Pulau Tioman 30 batu lebih kurang. Dengan ini bererti bahawa kawasan yang paling selamat dari segi ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan bagi bot-bot 40 tan ke atas untuk menangkap ikan ialah di kawasan sejauh 35 hingga ke 45 batu daripada pantai besar iaitu 5 batu melewati Pulau Aur, 5 batu melewati Pulau Pemanggil dan Pulau Tioman, yang juga bererti bahawa nelayan-nelayan pukut tunda dan pukut jerut yang rata-rata berat bot masing-masing lebih kurang 40 tan tidak akan sanggup melakukan operasi menangkap ikan di kawasan-kawasan ini kerana jika sekiranya mereka berbuat demikian, mereka pasti akan rugi. Kerana untuk keluar sejauh 40 batu ke tengah laut memakan masa lebih kurang 6 jam baharulah mereka sampai ke kawasan yang dibolehkan mereka menangkap ikan baharulah pukut dilabuh dan baharulah mereka boleh menangkap ikan, ini merugikan mereka. Oleh kerana itulah maka mereka biasanya buat masa ini menangkap ikan di kawasan-kawasan yang lebih hampir iaitu di antara 2 buah pulau, Pulau Tioman dan Pulau Pemanggil misalnya, di tengah-tengah dia

menangkap, dia himpit sedikit ke Pulau Pemanggil ataupun mengimpit sedikit ataupun terbabas sedikit hala ke Pulau Tioman, mereka ditangkap.

Jadi, oleh kerana mereka ini sering mengalami kerugian yang sudah tentu menyebabkan mereka tidak berupaya untuk membayar hutang Skim Sewa Beli Bot MAJUIKAN maka mereka menangkap ikan di tengah-tengah perairan di antara 2 buah pulau yang jarak 2 buah pulau itu melebihi 10 batu dan mereka ini sering terbabas. Bila mereka terbabas sempadan kerana tidak ada tanda-tanda yang khusus mereka ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan, bot ditahan dan didenda. Begitu juga keadaannya dengan bot-bot pukut jerut yang tidak dapat memastikan adakah mereka berada di dalam kawasan tradisi iaitu 5 batu dari pantai pulau atau tidak. Mereka ini juga sering ditangkap kerana melanggar sempadan antara negeri. Kes-kes tangkapan seumpama ini terlalu acapkali berlaku di kawasan saya iaitu kawasan Tenggara.

Oleh itu bagi kawasan perairan Mersing dan juga perairan-perairan lain yang terdapat banyak pulau-pulau serta menghadapi masalah yang sama seperti apa yang telah saya kemukakan tadi, maka sukalah di sini saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya:

- (1) Kawasan tradisi bagi pantai-pantai pulau dikurangkan daripada 5 batu kepada 2 batu.
- (2) Bot-bot nelayan yang ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan hendaklah menulis dan menyatakan kesalahan mereka pada masa mereka itu ditangkap. Jika boleh denda dikenakan pada masa nelayan-nelayan itu melakukan kesalahan, jika nelayan-nelayan berkenaan mengaku salah. Jika

mereka tidak mengaku salah baharulah mereka dibawa ke muka pengadilan.

- (3) Kerajaan hendaklah mengelakkan dari menahan bot-bot yang ditangkap begitu lama di bawah penguasaan Polis dan Jabatan Perikanan. Penahanan bot yang begitu lama menyebabkan nelayan tidak boleh keluar ke laut mencari rezki kerana bidang inilah satu-satunya sumber rezki mereka.
- (4) Jabatan-jabatan Perikanan Negeri hendaklah sentiasa diwujudkan sesuatu penyelerasan tugas kerjasama dan persefahaman khusus di dalam bidang penguatkuasaan peraturan sempadan ini kerana sumber ikan adalah hasil ciptaan dan kekayaan Tuhan untuk memberikan nikmat kebahagiaan kepada manusia sejagat.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada muka surat 191, Maksud Bekalan 21, Butiran 4100, Program (5) Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di mana anggaran peruntukan bagi tahun 1984 berjumlah \$69,900,000 iaitu satu peruntukan yang agak lumayan serta memungkinkan pihak MARDI dapat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan sebagai langkah menginsafi bahawa kaum tani di negara ini masih memerlukan bantuan ke arah mewujudkan masyarakat petani yang moden dan progresif. Hasil kajian yang saintifik ini diharapkan dapat membantu petani-petani mengeluarkan hasil pertanian yang baik dari sudut kualiti dan kuantitinya. MARDI dalam konteks membuat kajian tanah tani, biji benih yang bermutu, baja yang sesuai serta kajian mengenai penyakit tanam-tanaman telah didapati berjaya sehingga ini. Adalah diharapkan pihak MARDI

tidak memberhentikan usahanya setakat kejayaan yang telah dicapai.

Satu perkara yang ingin saya tarik perhatian mengenai kajian yang dilaksanakan oleh MARDI ini ialah MARDI dikatakan jarang-jarang memberitahu orang ramai utamanya Jabatan-jabatan Pertanian di daerah-daerah yang merupakan agensi Kerajaan yang secara direct, dengan izin, perhubungannya dengan petani tentang hasil kajian. Jabatan-jabatan Pertanian jarang diberitahu apakah tanaman yang sesuai ditanam di tanah-tanah beris misalnya. Jabatan Pertanian jarang-jarang diberi tahu apakah jenis benih padi yang sepatutnya ditanam di kawasan ini ataupun di kawasan itu umpamanya. Oleh kerana Jabatan Pertanian jarang-jarang mendapat maklumat berkaitan dengan hasil penyelidikan yang dibuat oleh MARDI ini maka petani-petani acapkali menanam tanaman yang tidak sesuai dengan keadaan tanah di sesuatu kawasan. Akibat daripada ketidaksesuaian tanaman maka hasil dari tanaman tersebut tidak memuaskan.

Oleh hal yang demikian, sukalah saya mencadangkan di sini supaya MARDI apabila selesai membuat sesuatu ujian dan penyelidikan serta kajian maka hasil ujian penyelidikan serta kajian tersebut hendaklah segera diberitahu kepada Jabatan Pertanian di daerah-daerah agar Jabatan Pertanian ini dapat menyalurkan hasil ujian, kajian serta penyelidikan tersebut kepada petani-petani dan seterusnya petani-petani dapat mengikuti hasil ujian, kajian serta penyelidikan itu.

Tuan Pengerusi, muka surat yang sama Maksud Bekalan 21, Butiran 4100, Program (10)—Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (MAJUIKAN) dan saya sekalikan perkara ini dengan Maksud Pembangunan 21, Butiran 5—Lembaga Kemajuan Ikan (MAJUIKAN), halaman 193.

Tuan Pengerusi: Minta pendekkan sedikit.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Pengerusi, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ini diwujudkan bertujuan untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi kaum nelayan di samping mengurangkan kegiatan orang tengah di dalam aktiviti pemasaran ikan. Dengan itu ditubuhkanlah kompleks-kompleks pemasaran ikan, diwujudkan persatuan-persatuan nelayan membolehkan persatuan-persatuan tersebut berniaga minyak diesel, berniaga pengangkutan, kedai runcit dan sebagainya, diwujudkan skim-skim sewa beli dan seumpamanya tetapi beberapa ketika perniagaan dan kegiatan ataupun operasi ini dijalankan didapati hasilnya kurang memuaskan. Banyak rungutan daripada nelayan diterima kemudian walaupun bukan semua kesalahan tersebut boleh kita bebankan kepada Kerajaan, ada sebahagian daripada kesalahan-kesalahan itu merupakan juga kesalahan daripada kaum nelayan.

Kita aku ada segelintir nelayan yang malas sedikit, hari ini keluar ke laut dapat seperti dua peti ikan, jual ikan dapat hasil sedikit, seminggu berehat di rumah, habis duit baru turun semula ke laut. Ada juga terdapat segelintir nelayan yang bersikap pasif terhadap pemberian Kerajaan. Dia kata boat dan sewa beli ini aku dapat daripada Kerajaan, duit Kerajaan, buat apa aku bayar, biar dia rosak biarkanlah dia tersadai di tepi sungai, Kerajaan hendak ambillah balik, ini yang terjadi.

Di musim tahun lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjawab dekat Mersing tidak ada bot sewa beli yang tersadai. Sebenarnya sudah 12 buah yang sudah tersadai yang dimusnahkan setakat ini. Walau bagaimanapun oleh kerana segelintir nelayan bersalah, kita aku hakikat tersebut tetapi sebagai langkah kita untuk menyedar serta menginsafi

bahawa kaum nelayan dalam negara ini masih lagi miskin dan memerlukan bantuan daripada Kerajaan maka saya berharap kepada Kerajaan supaya tidak mengurangkan usaha untuk membantu kaum nelayan memperbaiki taraf hidup mereka.

Di sini ingin saya sentuh satu perkara mengenai kawasan pembangunan nelayan. Biarlah kawasan pembangunan nelayan ini diwujudkan satu kawasan perumahan di mana nelayan tersebut boleh membuat rumah di kawasan tersebut kemudian di samping itu diberikan mereka tanah agar nelayan ini boleh bercucuk tanam, diwujudkan kawasan industri kecil agar nelayan di dalam kawasan perkampungan nelayan itu boleh membuat keropok dekat situ, boleh memproses ikan kering dan sebagainya sebagai hasil sampingan keluarga mereka. Keadaan seumpama ini saya bawa sedikit lagi ke Mersing di mana Mersing dipilih sebagai salah satu kawasan pembangunan nelayan dan perkara ini telahpun diusahakan oleh pihak kami di sini dan kami hanya mengharap agar implementasi daripada Kementerian ataupun MAJUIKAN khususnya dapat disegerakan bagi menyesuaikan cadangan-cadangan yang telah saya kemukakan tadi.

Sekian, terima kasih dan akhirnya sekali saya menyokong Anggaran Belanjawan Kementerian Pertanian, 1984.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Muda. Minta jangan panjang sangat. Kalau tidak banyak lagi yang tidak boleh bercakap. Jangan bercakap berkenaan dasar, pergi kepada point-pointnya terus.

3.52 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya tidak akan bercakap panjang, boleh jadi lima enam minit sahaja.

Pertama sekali dalam Butiran 1100, Program (1) (b) dan Program (2) dan (2) (b), ini ada pertalian di antara satu sama lain. Program (1) (b) mengenai Perancangan dan Pembangunan; (2), Pertanian; dan (2) (b) Parit dan Taliair, muka surat 185.

Sekarang ini negara kita telah pun merdeka 25 tahun dan negara kita adalah sebuah negara pertanian yang seharusnya masyarakat petani tidak lagi menderita kerana kemiskinan disebabkan oleh kehidupan mereka yang bergantung kepada pertanian semata-mata. Inilah yang saya ingin sebutkan di dalam soal ini mengenai perancangan dan pembangunan petani-petani untuk petani-petani di kawasan luar bandar, petani-petani padi dan juga petani-petani kecil di kawasan-kawasan luar bandar. Masalah kemiskinan petani-petani adalah satu perkara yang masih lagi wujud di negara kita ini sehingga sekarang walaupun pihak Kerajaan memang memperuntukkan begitu banyak wang untuk kepentingan ini. Tetapi soal perancangan dan pembangunan ini perlulah ditingkatkan lagi supaya membolehkan petani-petani ini mendapat pendapatan sampingan bagi menambahkan pendapatan mereka di samping pendapatan hasil pertanian padi misalnya.

Di sini banyak perkara di dalam soal pengairan di kawasan pertanian MUDA dan juga luar kawasan MADA masih perlu dibaiki kerana dengan kekurangan atau tidak **baiknya** soal pengairan ini sudah **pasti** akan melibatkan petani-petani itu dan merosot pendapatan petani-petani itu. Kemosrotan pendapatan petani, boleh jadi kita akan menjawab bahawa pendapatan petani padi ini berkurangan disebabkan oleh masalah banjir, masalah kemarau, masalah penyakit padi, masalah yang dikatakan sebagai bencana alam. Tetapi ini sebenarnya boleh dibaiki, boleh dielakkan dengan adanya program-

program yang sempurna bagi pengairan. Kalau banjir, kita boleh mengelakkan banjir, kalau kemarau misalnya kita boleh membekalkan air untuk petani. Itulah maksud saya supaya kita mengadakan satu perancangan yang sempurna bagi petani-petani ini.

Satu lagi masalah kemiskinan yang saya sebutkan tadi. Boleh jadi kita tidak begitu gembira membandingkan pendapatan di antara sektor di negara kita ini. Saya yakin bahawa kalau kita bandingkan pendapatan di antara sektor-sektor di negara kita ini maka sektor pertanian inilah yang sebahagian besar, 80% daripadanya adalah terdiri daripada petani-petani miskin yang pendapatannya di bawah paras kemiskinan. Di sini masalahnya Kerajaan perlulah fikir bagaimana kita dapat menambahkan bagi petani-petani ini.

Satu perkara yang saya lihat di dalam peruntukan yang telah disediakan dalam Butiran 29, misalnya Subsidi Input dan Mempelbagaikan Tanaman telah dipotong, mukasurat 196, tiada peruntukan untuk perkara ini. Soal ini adalah satu perkara yang penting pada pandangan saya, mempelbagaikan tanaman adalah bagi memajukan soal pertanian, memajukan petani-petani di luar bandar. Soalnya bagaimanakah kita dapat untuk mengisikan ruang masa petani-petani di luar bandar yang sebahagian daripada masa itu terbuang begitu sahaja disebabkan tiada program yang sempurna, tiada penyampaian ataupun tiada program extension yang disampaikan kepada petani-petani ini. Saya minta supaya Butiran 29 ini, Subsidi Input dan Mempelbagaikan Tanaman, peruntukannya diadakan kembali bagi Kementerian Pertanian supaya dapat kita kembangkan soal ini untuk petani-petani.

Saya juga ingin menyentuh soal MARDI atau Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia pada

Butiran 4100, mukasurat 191 dan 193. Di dalam soal ini inginlah saya hendak memohon supaya pihak Kementerian Pertanian ini mengarahkan pihak MARDI bagi membuat kajian bagaimana kita hendak memendekkan jangkamasa umur padi-padi bukit, padi huma supaya ianya dapat ditanam di kawasan-kawasan yang kering kerana sebahagian besar daripada kawasan pendalaman, kawasan yang miskin ini bergantung hanya kepada menoreh getah sedangkan sebahagian besar daripada tanah-tanah yang ada tidak diusahakan. Pada pandangan saya usaha yang dijalankan oleh petani-petani ini ialah mereka berkehendakkan kepada soal yang mereka dapat makan dan daripada hasil itu juga mereka dapat sedikit wang daripadanya. Dengan cara MARDI dapat mengusahakan supaya dikaji supaya padi bukit atau padi huma ini pendek masanya dan memperolehi hasil yang lebih dan dengan ini saya rasa petani-petani di kawasan pendalaman akan dapat menyempurnakan tugas bagi mendapatkan hasil daripada kajian yang telah dibuat oleh pihak MARDI.

Sebagai satu cycle kepada proses yang dijalankan, MARDI akan membuat penyelidikan dan mendapat hasil daripada penyelidikan dan diserahkan kepada Jabatan Pertanian untuk disampaikan kepada petani-petani dan pada akhir sekali adalah menjadi tanggungjawab pihak FAMA, umpamanya, untuk memasarkan bahan-bahan yang telahpun diperolehi oleh petani-petani ini.

Apa yang saya dapati, ini masuk pula kepada Butiran (1) Lembaga Pemasaran dan Pertanian Persekutuan (FAMA), yang pada pandangan saya tidak begitu aktif, tidak begitu berkesan pada peringkat daerah di dalam usaha untuk mengumpulkan bahan-bahan pertanian, hasil-hasil petani ini. Saya menyerulah kepada Kerajaan supaya membanyakkan lagi

bilik-bilik sejuk supaya dapat pihak FAMA mengumpulkan hasil-hasil pertanian ini supaya ia tidak terlalu murah harganya disebabkan oleh kadang-kadang itu telah terlalu berjaya misalnya di dalam soal kita untuk menerangkan soal-soal pembangunan pertanian kepada petani dan diterima dengan baik dan petani menjalankan tugas, menanam sayur-sayuran dengan banyak dan akhir sekali tidak dapat dipasarkan. Jadi inilah diminta memohon kerjasama Kerajaan supaya menggerakkan FAMA ini dengan lebih berkesan supaya hasil-hasil pertanian dapat dipasarkan.

Perkara yang terakhir, Tuan Pengerusi, Butiran (149) muka surat 203 Rancangan Taliair MUDA II, Peringkat II, Perlis/Kedah. Saya yang sebenarnya rasa dukacita di atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian di dalam Dewan yang mulia ini pada 8hb November kepada satu soalan saya mengenai bagaimanakah pihak Kerajaan dapat membantu petani-petani di mana tanah mereka terbiar disebabkan oleh pembangunan di dalam kawasan MADA.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, di dalam kawasan MADA sekarang ini terdapat 20,000 ekar lebih bendang-bendang yang terbiar, ini sama ada ianya tenggelam terus ataupun tidak dinaiki air. Sebelumnya bendang-bendang atau sawah-sawah ini dapat ditanam tetapi disebabkan oleh pembangunan yang dijalankan oleh MADA sawah ini tenggelam dan ada di antaranya yang langsung tidak sampai air.

Jadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tempoh hari, ia menyatakan bahawa kawasan-kawasan ini akan dapat disempurnakan dengan terlancarnya rancangan ataupun projek MUDA II di kawasan MADA.

Saya ini memanglah kalau hendak dikatakan arif sangat itu tidak tetapi saya ini adalah dari kawasan MADA itu sendiri dan saya faham akan masalahnya tetapi apabila saya semak kembali bahawa peruntukan untuk program ini banyak token vote \$10, itu yang saya sedih dan dukacita.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya adalah menyokong peruntukan Maksud B. 21 dan P. 21.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

4.03 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, menyentuh muka surat 191, Program 11, Maksud B. 21, Lembaga Pertubuhan Peladang yang mana peruntukannya sebanyak \$32,898,400 dan juga muka surat 193 Butiran 7 Maksud P. 21 atas perkara yang sama iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang yang berjumlah \$32,920,000.

Tuan Pengerusi, tujuan Lembaga ini mewujudkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang sebagai institusi-institusi peladang yang viable dan kuat ke arah meninggikan taraf ekonomi dan sosial ahli-ahlinya. Bagi tujuan ini LPP mendapat peruntukan sebanyak \$65.8 juta, kira-kira \$1.7 juta kurang daripada tahun 1983 ini. Pengurangan yang sedikit ini hendaknya tidak akan menjejaskan program yang disusun untuk meninggikan sosio-ekonomi peladang.

Tuan Pengerusi, di dalam program kecil pembangunan ekonomi dan sosial Pertubuhan Peladang ini, pelbagai kegiatan dan aktiviti telah dijalankan oleh Pertubuhan Peladang untuk meningkatkan lagi perniagaan dan perkhidmatan kepada para peladang. Dan setakat ini bolehlah dikatakan Pertubuhan Peladang ini merupakan satu institusi desa yang telah memberi perkhidmatan kepada peladang di dalam kegiatan memberi kemudahan

mendapatkan input-input pertanian dan perkhidmatan kejenteraan ladang dan pengangkutan selain daripada peralatan-peralatan rumah dan ladang-ladang yang dapat dibekalkan oleh Pertubuhan Peladang untuk kesenangan dan harga yang murah.

Tuan Pengerusi, masalah yang timbul ialah masalah kredit iaitu hutang. Pertubuhan Peladang banyak mengeluarkan kredit di dalam khidmat kejenteraan ladang, membajak tanah-tanah sawah ladang-ladang mereka dengan trektor Pertubuhan Peladang diberi secara kredit. Keuntungan yang didapati di dalam perkhidmatan kejenteraan ladang ini sebanyak kira-kira 20% sahaja setahun tetapi pada tiap-tiap tahun kredit iaitu hutang yang dibayar oleh peladang kira-kira 70%, kadang-kadang sampai 80%. Ini bermakna Pertubuhan Peladang tidak mendapat apa-apa, sebaliknya kadang-kadang menanggung kerugian pula. Oleh itu setengah-setengah Pertubuhan Peladang sekarang ini telah menjalankan khidmat kejenteraan ladang ini dengan secara bayaran tunai untuk mengelakkan baki hutang yang tidak berbayar pada tiap-tiap tahun.

Tuan Pengerusi, dengan bayaran tunai ini sudah tentulah mendatangkan kesusahan kepada peladang-peladang miskin yang benar-benar jujur dan amanah untuk mendapat khidmat ini. Oleh itu saya mencadangkan supaya Kementerian ini memberi bantuan atau subsidi membajak atau tenggala kepada para peladang berdasarkan cara dan peraturan pemberian baja padi iaitu sebanyak maksimum 6 ekar kepada ahli Pertubuhan Peladang sahaja. Peladang-peladang yang tidak menjadi ahli tidak akan mendapat kemudahan ini. Inilah satu cara bagi menarik petani-petani iaitu peladang-peladang menjadi ahli Pertubuhan Peladang. Sekarang ini terdapat kira-kira 20% atau 30% sahaja para petani iaitu peladang memasuki Pertubuhan Peladang di tiap-tiap daerah kerana

mereka yang tidak masuk Pertubuhan Peladang pun boleh mendapat kemudahan yang sama seperti baja pun dapat juga. Oleh itu cara menggalakkan untuk para petani memasuki Pertubuhan Peladang ialah dengan ada sesuatu tarikan atau pemberian sebagaimana yang saya cadangkan tadi iaitu sesiapa yang menjadi ahli Pertubuhan Peladang akan dapat subsidi membajak.

Tuan Pengerusi, kalaulah 20%-30% sahaja tiap-tiap daerah itu menjadi ahli Pertubuhan Peladang dan 70%-80% peladang tinggal di luar pertubuhan mereka bermaknalah hasrat Kerajaan untuk meninggikan ekonomi dan sosial para peladang tidak akan berjaya dan segala usaha Kerajaan akan menjadi sia-sia sahaja.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya suka hendak menyebutkan tentang pengswastaan, oleh kerana sekarang ini banyak diperkatakan tentang perkara ini. Apakah Kementerian bercadang untuk mengswastakan Pertubuhan Peladang ini, kalau tidak diswastakan sekurang-kurangnya satu masa nanti Pertubuhan Peladang ini merupakan satu institusi desa yang berdiri di atas kaki sendiri iaitu berdikari kerana selagi Pertubuhan Peladang ini merupakan sebahagian daripada agensi Kerajaan, selama itulah peladang iaitu petani menganggapkan ini adalah hak Kerajaan. Kalau hak Kerajaan, maka biarlah Kerajaan akan bertanggungjawab. Kalau Kerajaan tidak tolong rakyat siapa lagi hendak tolong kita, sebab itulah kita tidak bayar hutang. Inilah di antara sikap-sikap para peladang kita.

Oleh itu saya mencadangkan supaya Kerajaan menjalankan satu perancangan untuk menjadikan Pertubuhan Peladang ini menjalankan aktiviti atau projek jangka panjang yang boleh mendatangkan hasil kepada Pertubuhan Peladang.

Dengan ini secara berdikit-dikit akan dapat mewujudkan Pertubuhan Peladang yang didukung oleh para peladang sendiri dan ini sudah tentulah akan lahir sikap tanggungjawab yang lebih kepada mereka. Pihak Kerajaan akan hanya memberi khidmat nasihat dan membantu serta menyokong mana-mana aktiviti atau tindakan yang boleh merugikan atau meruntuhkan Pertubuhan Peladang, selain daripada mencapai keuntungan dan faedah yang maksima kepada Pertubuhan Peladang sendiri.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bandau.

4.11 ptg.

Tuan Newman Gaban (Bandau): Tuan Pengerusi, saya ingin memberi sedikit pandangan atas beberapa perkara mengenai belanjawan Persekutuan 1984 bagi Kementerian Pertanian yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sedikit masa dahulu.

Anggaran yang agak besar iaitu yang melebihi \$1 billion akan dibelanjakan dalam sektor pertanian dalam tahun 1984. Ini menunjukkan hasrat penuh Kerajaan membawa kemajuan dan pembangunan kepada kawasan luar bandar dimana terdapat sebilangan besar rakyat yang kurang bernasib baik. Walau bagaimanapun saya rasa hampa sedikit kerana terlalu kecil jumlah yang dianggarkan bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Kalau kita meneliti anggaran perbelanjaan bagi Maksud Pembangunan di halaman 192 hingga 211 kita dapati bahawa daripada jumlah sebanyak \$714,850,500 untuk Maksud Pembangunan hanya kira-kira kalau tidak salah \$14,630,130 dan kira-kira \$50,190,100 masing-masing diperuntukkan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Tidaklah boleh dinafikan bahawa sejumlah besar daripada peruntukan itu harus diperuntukan bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia kerana mengambil kira di antara lain bilangan penduduk yang lebih besar. Bagaimanapun jumlah yang diberi kepada negeri Sabah dan juga Sarawak adalah terlalu kecil dan tidak seimbang walaupun ditinjau dari segi perkiraan struktur penduduk dan tahap pembangunan sosio-ekonomi. Umpamanya bilangan penduduk Semenanjung Malaysia adalah 12 kali ganda berbanding dengan bilangan penduduk negeri Sabah. Tetapi jumlah peruntukan yang diberi untuk Semenanjung Malaysia adalah lebih kurang 45 kali ganda lebih besar daripada jumlah yang dianggarkan untuk negeri Sabah.

Adalah diketahui dan diterima oleh umum bahawa pembangunan pertanian dan ekonomi di Semenanjung Malaysia lebih maju jika dibandingkan dengan negeri Sabah dan Sarawak. Oleh kerana itu Kerajaan seharusnya menambahkan jumlah peruntukan dalam sektor pertanian bagi negeri Sabah dan Sarawak dalam belanjawan masa depan bagi merapatkan jurang imbalan pembangunan pertanian antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia di samping mempercepatkan lagi proses integrasi di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Adalah menjadi kenyataan bahawa Sabah bukan sahaja ketinggalan dari segi jumlah peruntukan tetapi terdapat banyak aktiviti-aktiviti pertanian yang wujud di Semenanjung tetapi tidak di Sabah dan yang wujud itu tidak diberi peruntukan. Umpamanya, Semenanjung Malaysia mendapat peruntukan \$75,800,000 yang terdapat di muka 193 untuk skim subsidi baja padi tetapi ini tidak terdapat di negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, adalah diketahui umum kejayaan ataupun kegagalan

petani-petani luar bandar adalah bergantung besar kepada keadaan pasaran. Keadaan harga pasaran yang terlalu turun naik mempunyai sama buruk kesannya dengan keadaan harga pasaran yang terlalu rendah dan berterusan. Perkara ini adalah diakui oleh Kerajaan di mana Kerajaan terpaksa campur tangan di dalam soal menstabilkan harga pasaran. Tetapi dengan hanya \$110,000 yang diperuntukkan itu bagi Sabah, saya tidak dapat melihat apa-apa kesan besar yang boleh disumbangkan oleh pihak FAMA. Kalau kita dapat menerima akan peri mustahaknya kestabilan pasaran demi kepentingan kebajikan dan kehidupan petani-petani kampung, maka jumlah peruntukan mestilah mencerminkan keutamaan, kepentingan yang tinggi yang kita beri kepada faktor kestabilan pasaran.

Di Sabah terdapat keperluan menstabilkan pasaran tanaman-tanaman kontan seperti jagung dan kacang tanah. Ini adalah memandangkan bahawa tidak ada sebarang badan atau perjanjian antarabangsa dalam negara mengenai soal menstabilkan harga pasaran bagi menjamin kestabilan pasaran tanaman-tanaman jangka pendek seperti jagung dan berbagai-bagai kacang.

Memandangkan bahawa penanaman jagung di Sabah mempunyai potensi pembangunan di samping menjadi punca pendapatan bagi petani-petani kampung, saya berharap Kerajaan bertindak bagi mempengaruhi kestabilan harga pasaran bagi bahan tersebut.

Ketika ini Kilang Tepung dan Makanan Binatang Sabah (Sabah Flour And Animal Feed Mills) terpaksa mengimpot sebahagian daripada bahan mentah—jagung, dari luar negeri seperti Thailand dan juga Australia. Sebarang usaha memperkembangkan perusahaan

jagung di Sabah akan memberi sumbangan baik kepada pendapatan pertukaran asing (foreign exchange earning) Malaysia. Kerajaan mestilah menerima cabaran bahawa adalah perlu menanam keyakinan di kalangan petani kampung terhadap sistem pemasaran di Malaysia. Tindakan Kerajaan ke arah ini untuk negeri Sabah harus dicerminkan dalam jumlah peruntukan yang dicadangkan.

Tuan Pengerusi, di muka surat 203 hanya \$6,220,000 sahaja diperuntukan untuk parit dan taliair bagi negeri Sabah. Keadaan seperti ini adalah sangat menyedihkan dan ianya akan menghampakan harapan penanaman padi di Sabah kerana projek-projek yang dirancang oleh Jabatan Parit dan Taliair tidak akan terlaksana, lebih-lebih lagi, Tuan Pengerusi, kerana keperluan negeri Sabah dalam sektor ini mungkin besar daripada keperluan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia kerana Sabah masih mengimpot sebahagian besar keperluan padinya. Pengeluaran padi di Sabah harus dipertingkatkan dengan cara di antara lain memberi peruntukan yang secukupnya untuk perairan. Dengan bertambahnya pengeluaran padi impot akan berkurangan. Ini akan membantu membaiki pertukaran asing Malaysia.

Dengan hanya \$6,220,000 peruntukan itu, saya rasa tipis kemungkinannya projek-projek taliair dilaksanakan di kawasan saya sendiri iaitu kawasan Bandau supaya dapat dilaksanakan tahun depan.

Bagi manapun saya merayu kepada Kerajaan supaya dapat melaksanakan dua projek yang terpenting di kawasan Kota Marudu iaitu di kawasan Bandau, iaitu kawasan saya sendiri. Projek pertama—canalisation, Sungai Bongon. Projek kedua—Tandek Irrigation Scheme Phase II. Projek mengorek, mendalam serta meluruskan Sungai Bongon dikemukakan kepada Kerajaan

Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan telah pun diluluskan pada prinsipnya. Semua kertas tender disiapkan pada April 1982 dengan bahagian pertama dianggarkan menelan belanja sebanyak \$3 juta tetapi tidak ada sebarang peruntukan diperolehi dalam tahun 1983. Segala usaha JPT mendapatkan peruntukan menemui kegagalan.

Sungai Bongon sekarang semakin cetek dan tohor, apabila musim hujan tiba, air bah dan banjir, beratus-ratus ekar kawasan tanah pertanian di sepanjang sungai itu. Rayuan-rayuan pihak-pihak yang terlibat dalam kawasan yang dimaksudkan harus mendapat perhatian dari Kerajaan dan mendapat penyelesaian masalah itu dengan segera. Pembinaan Headworks Conveyance General and Pumping Station, dengan izin, di skim-skim perairan Tandek Phase II juga menghadapi masalah. Walaupun Phase I telah pun siap dibina, projek ini tidak boleh dilancarkan kerana Phase II tergendala pembinaannya, sehingga hari ini tender bagi Phase II belum lagi dikeluarkan kerana ketiadaan peruntukan.

Dalam Mesyuarat Kajian Separuh Pengal (Mid-Term Review) dalam bulan Mac 1983, Jabatan Parit dan Taliair, Kuala Lumpur bersetuju meminta peruntukan tambahan untuk menyiapkan Skim Irrigation Tandek dan juga bagi memulakan projek di Sungai Bungun. Saya harap sebahagian besar daripada peruntukan \$6,220,000 itu tahun depan diperuntukkan untuk kedua-dua projek di Kota Marudu itu.

Sekianlah sahaja. Dengan itu, saya menyokong Maksud Bekalan dan juga Pembangunan di bawah Kementerian Pertanian bagi tahun 1984.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

4.23 *ptg.*

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan berkenaan dengan Kementerian Pertanian, Maksud Bekalan 21 dan Maksud Pembangunan 21.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 21, Butiran 1100, 2 (a)—Pertanian, muka surat 185.

Di dalam Ucapan Anggaran Belanjawan 1984 pada 7 November yang lalu, saya telah menyebutkan bahawa Kerajaan perlu memikirkan rancangan-rancangan lain untuk menampung anak-anak petani yang tidak ada tempat lagi di bidang pertanian. Saya katakan begitu oleh sebab, antara lain, tenaga pekerja di dalam kawasan-kawasan pertanian tradisional seperti di kawasan padi di Kedah akan bertambah dengan banyaknya dari setahun ke setahun.

Orang-orang Kedah memanglah mahir dalam perusahaan menanam padi dan mereka telah dapat meneroka dan memulihkan tanah-tanah yang dahulu tidak sesuai untuk ditanam padi dan tidak memberi apa-apa hasil sehingga menjadi tanah-tanah yang baik dan mengeluarkan hasil padi yang tinggi. Apabila tanah-tanah itu tidak mencukupi oleh sebab pertambahan atau pertumbuhan penduduk mereka telah berhijrah ke negeri-negeri lain untuk membuka tanah-tanah belukar menjadi sawah padi yang terbentang luas di negeri-negeri tersebut. Usaha-usaha ini dengan tidak langsung adalah satu sumbangan besar kepada pengeluaran beras sebagai makanan utama rakyat negara ini. Dalam hal ini saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut yang telah memberi peluang kepada orang-orang Kedah untuk

menjalankan perusahaan tanaman padi di negeri-negeri berkenaan. Apa yang saya harapkan daripada Kementerian Pertanian ialah satu dasar untuk bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan negeri supaya di negeri-negeri yang terdapat tanah-tanah yang sesuai untuk perusahaan tanaman padi, tetapi tidak mempunyai tenaga pekerja yang mahir untuk mengusahakannya maka dapatlah mengambil orang-orang Kedah ataupun orang-orang Perlis untuk menjalankan perusahaan itu.

Di negeri Kedah pun khasnya di dalam kawasan perairan MUDA masih terdapat banyak tanah-tanah sawah yang tidak dapat dikerjakan dengan sempurna oleh sebab kemudahan-kemudahan taliair tersiar belum dilaksanakan. Tanah-tanah yang saya maksudkan ialah tanah-tanah tinggi yang tidak dapat dibekal dengan air pertanian sehingga hari ini. Perkara ini juga telah pun disentuh oleh sahabat saya daripada Hulu Muda berkenaan dengan tanah-tanah yang tidak dapat ditanam padi, sungguhpun tanah-tanah tersebut terdapat di dalam kawasan-kawasan tanaman padi.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tempoh hari telah memberi penjelasan dalam Dewan yang mulia ini bahawa masih terdapat 18,000 ekar di dalam kawasan MADA yang tidak dapat ditanam dengan padi oleh sebab tanahnya tinggi dan tidak dapat dibekal dengan air.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini keadaan seumpama ini sudah begitu lama tidak dapat diatasi, bahkan sudah memakan masa 10 tahun dan saya masih ingat lagi di dalam tahun 1975 di masa saya menjadi Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pertanian Negeri Kedah, jawapan-jawapan seperti yang diberi oleh Timbalan Menteri iaitu untuk membina rancangan MUDA II dan untuk membelanja lebih daripada \$200

juta adalah juga jawapan-jawapan yang saya beri kepada Dewan Negeri sejak tahun 1975 lagi.

Tuan Pengerusi, untuk rancangan MUDA II bagi tahun 1984, Maksud Pembangunan 21, Butiran 149, muka surat 203, peruntukan rancangan taliair MUDA II hanya peruntukan tanda sahaja iaitu \$10. Jadi saya berharap dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Menteri Pertanian dapat memberi penjelasan dalam hal ini iaitu sama ada peruntukan ini adalah hanya peruntukan tanda ataupun adakah peruntukan ini dimasukkan di dalam Maksud Pembangunan Butiran 116, muka surat 200 iaitu sebanyak \$31 juta.

Tuan Pengerusi, saya ingin pula menyentuh Maksud Bekalan 21, Butiran 1100 3 (a)—Perikanan, muka surat 185.

Pada satu masa dahulu pihak Kementerian telah menetapkan sempadan 3 batu ke atas daripada pantai untuk bot-bot yang melebihi 10 tan, selepas itu dasar ini diubah kepada 5 batu ke atas. Bagi nelayan-nelayan kecil mereka menghadapi berbagai-bagai masalah di dalam hal ini.

Yang pertama, Tuan Pengerusi mereka tidak berkemampuan untuk pergi jauh ke tengah laut.

Yang kedua, mereka seringkali terpaksa bersaing dengan nelayan-nelayan dari negara-negara asing yang mengguna lampu-lampu suluh yang terang dan menangkap semua ikan-ikan di tengah laut; dan

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, kesukaran-kesukaran bagi mereka memastikan sempadan khasnya di sebelah malam.

Yang keempat, seringkali mereka pula yang ditangkap oleh pihak Polis Merin dan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Perikanan dan dikenakan kompaun yang tinggi ataupun didenda dan bot mereka dirampas.

Bagi bot-bot pukat menangkap udang pula, mereka dikenakan syarat menangkap udang di siang hari sahaja, pada hal udang-udang terdapat dengan banyaknya di sebelah malam. Saya berharap pihak Kementerian dapat mengkaji semula dasar-dasar ini supaya dapat memberi kelonggaran untuk nelayan-nelayan kita mencari nafkah hidup dengan lebih bermakna lagi.

Tuan Pengerusi, selanjutnya saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 21, butiran 5, muka surat 193, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Saya mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak MAJUIKAN kerana bersetuju memasuki Kuala Kedah di dalam Kawasan-kawasan Pembangunan Nelayan bagi tahun 1984. Dengan yang demikian, dapatlah kampung-kampung nelayan di Kuala Kedah menikmati program-program di bawah KPN, seperti memodenisasi penangkapan ikan, pendapatan sampingan, pembangunan masyarakat nelayan dan khidmat sokongan.

Tuan Pengerusi, di dalam ucapan perbahasan Anggaran Belanjawan 1984 pada 7hb November yang lalu saya telah sebutkan bahawa satu kajian yang komprehensif perlu dibuat dan satu perancangan untuk mereka, iaitu untuk nelayan dapat disegerakan. Saya juga telah menyebut rancangan yang saya maksudkan ialah perancangan yang meliputi sosio ekonomi nelayan supaya dapat menjamin pendapatan yang menasabah dan dapat melahirkan kampung-kampung nelayan yang teratur serta diberi kemudahan asas, seperti yang didapati di rancangan-rancangan FELDA ataupun di Rancangan Rumah-rumah Awam Kerajaan. Dengan adanya Rancangan Kawasan Pembangunan Nelayan ini saya berharap pihak MAJUIKAN akan bersungguh-sungguh dan akan memberi peruntukan yang mencukupi

untuk menaikkan taraf kampung-kampung nelayan yang terdapat di tebing-tebing sungai di Kuala Kedah.

Tuan Pengerusi, Maksud Pembangunan 21, Butiran 85 dan 89, muka surat 198, 199, Rancangan Pemeliharaan Sungai Perak; Rancangan Pemeliharaan Sungai Selangor. Butiran 128, muka surat 201, Benteng Sungai Kelantan.

Seperti yang saya sebutkan tadi nelayan-nelayan di Kuala Kedah tinggal di tebing-tebing Sungai Kedah, di muara sungai. Oleh yang demikian, mereka selalu terancam oleh hakisan air yang menyebabkan tebing-tebing sungai itu runtuh dan merosakkan kemudahan-kemudahan yang telah diberi oleh Kerajaan, seperti jalan-jalan kampung yang ditenggelami air dan paip-paip air ke rumah-rumah nelayan. Mereka pula terpaksa berpindah dari satu tapak ke satu tapak, keadaan begini amat menyulitkan penghidupan nelayan dan melibatkan perbelanjaan yang banyak bagi nelayan-nelayan yang miskin. Mereka sudah beberapa kali merayu kepada Kerajaan sejak beberapa tahun yang lalu agar Kerajaan dapat menyediakan satu peruntukan untuk membina tembok konkrit dikedua-dua tebing sungai di muara Sungai Kedah yang boleh menjamin tebing-tebing itu tidak dihakiskan oleh air dan rumah-rumah mereka terancam.

Satu kajian telah pun dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah dan anggaran perbelanjaan untuk projek tersebut ialah lebih kurang \$4 juta. Anggaran ini telah dipohon kepada Kerajaan Pusat, tetapi sehingga hari ini belum ada satu jawapan yang memuaskan di dalam perkara ini.

Di dalam Anggaran Belanjawan 1984, di bawah Butiran yang saya sebutkan tadi, hanya peruntukan yang khusus untuk Sungai Kelantan, itupun peruntukan tanda sahaja sebanyak

\$10. Saya berharap Kerajaan akan memberi pertimbangan yang sewajarnya di dalam perkara ini dan akan memberi peruntukan yang dipohon itu supaya rancangan ini dapat dimulakan dalam tahun 1984 ini juga.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 21, Butiran 1100, (2) (c), muka surat 185, Haiwan. Maksud Pembangunan 21, Butiran 175, muka surat 204, Rancangan Menternak Lembu dan Kerbau. Dan Butiran 196, muka surat 206, Perkhidmatan Peranian Beradas.

Saya menyentuh Butiran-butiran ini ialah untuk mendapat penjelasan berkenaan dengan Dasar Lembu Pawah yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian hari ini. Ada di antara petani-petani yang telah berjaya mendapat lembu-lembu pawah ini dan telah memeliharakannya dengan baik sejak 3 atau 4 tahun dahulu. Apa yang menjadi masalah kepada petani-petani ini, sungguhpun lembu-lembu tersebut sudah berumur 3 atau 4 tahun tetapi tidak memberi apa-apa hasil kepada petani-petani tersebut. Maksud saya lembu-lembu tersebut tidak beranak. Pihak Jabatan Haiwan telah berusaha untuk memberi perkhidmatan peranian beradas tetapi tidak juga berjaya sehinggalah orang-orang kampung mengatakan lembu-lembu baka yang diimport dari Australia itu telah termakan pil perancang keluarga (*Ketawa*). Ini bermakna 3, 4 tahun masa dan tenaga dan juga wang ringgit yang dicurahkan oleh petani-petani tersebut tidak memberi kepulangan dari segi hasil kepada petani-petani tersebut.

Saya telah dua kali membuat rayuan kepada Pengarah Haiwan Negeri supaya lembu-lembu tersebut dapat diberi terus dan dapat dipindah milik kepada petani-petani yang memeliharakannya, malangnya sehingga hari ini saya belum mendapat apa-apa jawapan. Oleh yang demikian,

saya berharap pihak Kementerian dapat mengkaji semula rancangan lembu pawah ini dan dapat dipindah milik lembu-lembu tersebut kepada petani-petani yang memeliharakannya supaya mereka itu tidak mengalami kerugian dari segi masa dan tenaga yang telah dicurahkan.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong Maksud Bekalan 21 dan Maksud Pembangunan 21 bagi Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri Pertanian dijadualkan menjawab pada pukul 4.45 petang ini. Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat sanggup berucap dalam masa 7 minit, saya boleh berikan Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar.

4.38 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan kepada Kementerian Pertanian bagi Belanjawan 1984. Saya ingin membangkitkan di muka surat 193, Butiran 5, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Tuan Pengerusi, peranan yang dimainkan oleh LKIM jika dapat dilaksanakan secara lebih teratur lagi ia akan merupakan satu daya penggerak ke arah meningkatkan pendapatan para nelayan. Berkaitan dengan ini saya ingin menyentuh dua perkara. Pertama, mengenai Persatuan Nelayan dari segi pentadbirannya. Kedua, bidang LKIM sendiri.

Tuan Pengerusi, di masa ini Persatuan Nelayan bolehlah disertai oleh nelayan-nelayan tanpa mengira teknologi kelengkapan tangkapan mereka. Seperti yang kita ketahui, sebahagian besar nelayan-nelayan kita rata-rata bolehlah kita golongkan kepada dua golongan, iaitu nelayan-nelayan pantai yang menggunakan alat-alat tangkapan secara tradisi dan

jarak kawasan tangkapan mereka tidaklah melebihi 5 batu ke tengah laut. Golongan yang kedua ialah nelayan-nelayan yang mempunyai alat-alat tangkapan yang lebih moden, besar dan akan menghasilkan tangkapan yang banyak yang sepatutnya menangkap dalam kawasan lebih daripada 5 batu ke tengah laut.

Maka dalam hal ini, persatuan sudah tentulah menghadapi berbagai-bagai masalah kerana adanya dua golongan nelayan-nelayan yang mempunyai kepentingan yang berlainan. Oleh itu, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian supaya mengambil langkah untuk mengaturkan satu cara yang baru bagi persatuan-persatuan nelayan untuk memastikan suara nelayan-nelayan tradisi akan sama-sama banyak suara dengan pihak nelayan-nelayan tengah.

Saya mencadangkan supaya komposisi persatuan ini ataupun Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan hendaklah terdiri 40% nelayan pantai, 40% nelayan tengah dan 20% lagi dilantik oleh Yang Berhormat Menteri sebagai orang yang berkecuali.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, kita perhatikan sekarang persatuan nelayan juga boleh menghadiri mesyuarat-mesyuarat agung mereka walaupun ahli-ahlinya terdiri beberapa ribu. Umpamanya kalau nelayan-nelayan semuanya menjadi ahli-ahli kalau 8,000 menjadi ahli maka mereka semua layak menyertai di dalam mesyuarat agung tahunan. Jadi, saya rasa langkah seperti ini tidaklah begitu boleh dipraktikkan kerana ini boleh menimbulkan macam-macam masalah. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada Kementerian supaya langkah ataupun peraturan persatuan nelayan ini menyertai di dalam mesyuarat agung tahunan juga hendaklah dibuat secara unit seperti yang dibuat kepada pihak LPP. Dengan adanya unit-unit ini ahli-ahli

yang akan menyuarakan pendapat-pendapat nelayan adalah terdiri daripada ahli-ahli unit yang telah pun dilantik, dipilih di dalam mesyuarat unit dan ini boleh memberi manfaat yang lebih kepada persatuan nelayan apabila mereka mengadakan mesyuarat tahunan kerana suara-suara itu adalah datang daripada nelayan-nelayan dan tidaklah akan menimbulkan keadaan yang tidak menyenangkan kerana maklum sahajalah kalau 8,000 yang menyertai di dalam mesyuarat tahunan sudah tentulah mesyuarat itu tidak akan dapat berjalan dengan baik.

Tuan Pengerusi, yang kedua tadi saya telah menimbulkan perkara bidang kuasa LKIM. Kalau kita lihat sekarang ini nelayan-nelayan laut adalah mendapat perhatian yang lebih daripada pihak LKIM dan petani-petani yang memelihara ikan air tawar kerana perusahaan ikan air tawar sekarang ini sudah semakin berkembang tidak termasuk di dalam bidang LKIM tetapi ianya adalah terletak di dalam bidangkuasa Jabatan Pertanian.

Saya rasa oleh kerana LKIM ini sendiri dari segi namanya iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia patutlah juga mengambil alih bidang tugas ternakan ikan-ikan air tawar ini ataupun petani-petani yang berminat untuk memternak ikan air tawar ini ditempatkan atau dimasukkan ke dalam tugas LKIM kerana di akhir-akhir ini kita perhatikan perkembangan ataupun perusahaan perindustrian ikan air tawar ini sudah semakin mendapat perhatian daripada petani-petani. Maka saya yakin dengan memberikan tugas ini kepada pihak LKIM maka petani-petani yang berminat di dalam bidang ikan air tawar ini akan mendapat peluang yang lebih lagi jika dibandingkan dengan masa-masa sekarang kerana kalau dibiarkan di bawah Jabatan Pertanian sudah tentulah skop ataupun perhatian

yang diberi kepada perusahaan ikan air tawar ini hanyalah sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin membangkitkan mengenai muka surat 204, Butiran 175 dan 176 iaitu Rancangan-rancangan Menternak Lembu, Kerbau dan Ayam termasuklah Subsidi Lembu, Ayam/Itek.

Kalau kita perhatikan sistem sekarang ini, pihak Kementerian hanya memberikan subsidi-subsidi ini kepada individu, kalau ayam itu 10 atau 20 ekor dan lembu itu seekor sahaja seorang dan kadang-kadang seperti kata wakil dari Kuala Kedah tadi ada yang memakan pil perancang keluarga maka sudah tentulah saya rasa rancangan-rancangan ini walaupun sedikit sabanyak memanglah memberi manfaat ataupun menambahkan pendapatan petani.

Saya rasa kalau umpamanya pihak Kementerian boleh memikirkan memberi perhatian kepada perkara ini dengan lebih teliti lagi di mana kalau ada persatuan-persatuan belia umpamanya ataupun persatuan-persatuan nelayan ataupun persatuan-persatuan di peringkat kampung yang ingin memelihara secara yang lebih banyak lagi, saya rasa Kementerian patutlah menambahkan bantuan ini umpamanya daripada seekor kepada 10 atau 20 ekor kalau lembu, ayam berilah 500 atau 600 ataupun seribu supaya mereka dapat menjalankan ternakan ini secara bersepadu, secara yang lebih tersusun dan ini secara langsung dapat meningkatkan lagi keupayaan untuk menambahkan ataupun mengadakan sistem peliharaan ternakan hasil daripada subsidi Kerajaan ini dengan lebih baik lagi dan saya rasa perkara ini patutlah diambil perhatian oleh pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Tuan Pengerusi kata tadi 7 minit, saya berhenti. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Saya menjemput Timbalan Menteri Pertanian . menjawab bagi pihak Menteri.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Pengerusi, bagi pihak Kementerian, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, Rantau Panjang, Tenggaroh, Ulu Muda, Sungai Petani, Bandau, Kuala Kedah dan Parit Buntar yang telah membahaskan peruntukan untuk Kementerian Pertanian. Ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut bukan sahaja merupakan maklum balas bagi Kementerian saya tetapi bagi saya sendiri pun suatu ajaran saya sebagai seorang Timbalan Menteri Pertanian yang baru haruslah banyak belajar terutama sekali daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili kawasan-kawasan pertanian dan perikanan yang sentiasa berdamping dengan para nelayan dan para petani.

Saya cuba menjawab dengan seberapa banyak yang boleh apa yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingin memberi jaminan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan berhenti di Dewan ini dengan jawapan saya tetapi saya akan balik ke Kementerian dan terus mengusahakan dan menguruskan masalah-masalah yang dibangkit.

Kelmarin Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus telah membangkitkan masalah pukut tunda dan beliau telah menyeru Kerajaan supaya mengkaji semula kedudukan pukut tunda dalam sektor perikanan tanahair kita.

Izinkan saya menjelaskan, Tuan Pengerusi, bahawa pukut tunda adalah satu jenis penangkapan ikan yang agaknya efficient dan sekiranya pukut

tunda dijalankan mengikut peraturan dan syarat yang tertentu sumber perikanan kita tidak akan terjejas.

Kerajaan telah menentukan bahawa pukut tunda dibenarkan lebih dari 5 batu dari pantai sahaja dan perairan pantai di dalam lingkungan 5 batu ini dihadkan untuk nelayan-nelayan yang menggunakan pukut-pukut tradisi. Lagi pula bot-bot pukut tunda yang lebih besar yang melebihi 40 tan ke atas dibenarkan bergerak dalam kawasan lebih 12 batu dari pantai. Memang masalah pelaksanaan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus itu memang timbul dan Kementerian saya akan sekali lagi berhubung dengan agensi-agensi penguatkuasa supaya memberi perhatian yang lebih terutama sekali di kawasan yang Ahli Yang Berhormat mewakili.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pun membangkitkan pencerobohan oleh bot-bot asing. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kawalan perairan perikanan ke atas bot-bot asing ini dijalankan oleh beberapa agensi terutama sekali Tentera Laut Di Raja, Polis Laut dan juga Jabatan Perikanan. Pada tahun 1981, 29 buah bot telah ditangkap; pada tahun 1982, 16 buah bot dan tahun ini 1983 sehingga bulan Oktober sebanyak 26 bot telah ditangkap. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menubuhkan satu sistem pengawalan yang lebih ketat lagi pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pun telah memberi pendapat beliau tentang denda-denda yang dikenakan tentang tindakan penguatkuasaan yang dijalankan. Malangnya Kerajaan tidak dapat memberi apa-apa kelonggaran dalam konteks ini kerana Kerajaan bertanggungjawab menjaga kepentingan nelayan-nelayan tempatan yang tertentu.

Jadi sekiranya bot-bot masuk ke perairan negeri lain, jadi tindakan yang sewajarnya telah dan akan terus diambil. Begitu juga dengan denda-denda yang dikenakan. Tujuan denda-denda tersebut ialah supaya nelayan-nelayan sentiasa mengikuti peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Kerajaan untuk menjaga kepentingan nelayan-nelayan yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus pun telah membangkitkan masalah berkenaan dengan bilangan lesen pukot. Beliau mengatakan bahawa cuma satu atau dua lesen pukot diberi kepada satu bot. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum biasanya sesuatu bot tidak perlu lebih dari dua kumpulan jenis pukot. Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, masalah ini adalah dalam kajian semula oleh Kementerian Pertanian, terutama sekali Yang Berhormat Menteri sendiri.

Berkenaan dengan masalah pasaran bagi ikan basah dan ikan kering yang dibangkitkan oleh wakil daripada Ulu Nerus, pihak LKIM akan terus mencari pasaran yang lebih luas lagi terutama sekali di negeri Singapura. Dalam konteks ini Tuan Pengerusi, izinkan saya menggunakan peluang ini menyeru nelayan-nelayan yang berkenaan atau pengusaha-pengusaha yang berkenaan supaya sentiasa menjaga kualiti produksinya dan sentiasa cuba meningkatkan kualiti atau mutu produksinya. LKIM dengan kerjasama MARDI akan terus bekerjasama dengan pengusaha-pengusaha yang berkenaan.

Soal ikan yang diimport daripada negara jiran pada masa ini setakat ini ikan yang dimakan oleh penduduk-penduduk tanahair kita tidak mencukupi, beberapa jenis tidak mencukupi. Jadi setiap hari ada ikan yang diimport dari negara jiran.

Walaupun bagaimanapun, pada saat pada masa yang terakhir ini penternak-penternak ikan air tawar, penternak-penternak ikan air payau telah berjaya dengan ternakannya dan ternakan ikan telah berkembang dengan cepatnya. Jadi, Kerajaan haraplah satu masa yang akan datang oleh kerana ternakan sendiri mencukupi, jadi kita tidak payah lagi bergantung kepada ikan dari luar negeri.

Infrastruktur yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, kemudahan infrastruktur termasuk kilang ais, bilik sejuk dan sebagainya telah dibina di tempat seperti Geting, Kelantan, Kuala Besut dan Cendering Terengganu dan Kerajaan akan terus lagi membina infrastruktur di tempat yang mereka diperlukan bergantung kepada peruntukan daripada Perbendaharaan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat bahawa Persatuan Nelayan diberi equiti dalam projek-projek LKIM yang diswastakan merupakan satu cadangan yang baik dan akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Polis Laut di Pulau Redang adalah di bawah kawalan Kementerian lain, walau bagaimanapun Kementerian saya akan berhubung dengan Kementerian yang berkenaan.

Wakil dari Rantau Panjang membangkitkan masalah bekalan beras. Beliau menyoal tentang projek yang diumumkan pada suatu masa yang lalu, projek menanam padi secara besar-besaran di negeri Sarawak. Sukacitalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah dan sedang merancang beberapa projek pembangunan pertanian di Sarawak dengan tujuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil petani melalui penyediaan infrastruktur seperti saliran dan perparitan air, jalan ladang, perkhidmatan perkembangan untuk memodenkan cara-cara pertanian dan sebagainya. Di negeri Sarawak

terdapat dua projek besar yang sedang dikaji untuk dilaksanakan iaitu Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu Lembah Sungai Samarahan dan Lembah Kalaka-Saribas

Mengenai soal kawasan yang berhampiran dengan KADA atau di luar kawasan KADA, Kementerian ini sedang dan akan memberi perhatian kepada masalah perparitan, masalah perairan di kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang itu. Jadi tentulah Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa "constraint" yang dihadapi oleh Kementerian ialah peruntukan kewangan.

Berkenaan dengan buah-buahan, saya tidak dapat memastikan sama ada buah-buahan Thailand lebih "manis" daripada buah-buahan Malaysia, tetapi program tersebut telah berjaya mendorong petani-petani menanam jenis buah-buahan yang bermutu tinggi dan meningkatkan jumlah keluasan dusun. Umpamanya keluasan tanaman mangga telah bertambah dari 900 hektar pada tahun 1970 kepada lebih kurang 5,000 hektar pada tahun 1982 dan kawasan bagi durian telah meningkat dari 8,500 hektar pada tahun 1980 kepada lebih kurang 13,500 hektar bagi tahun 1982.

Perlu dinyatakan di sini bahawa semua pokok buah-buahan yang ditanam adalah jenis bermusim melainkan buah-buahan seperti betik, nenas dan pisang. Oleh yang demikian timbullah masalah di mana buah-buahan tempatan ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan tempatan. Selain daripada itu dengan peningkatan pendapatan dan kemakmuran negara sejak kemerdekaan, selera rakyat keseluruhannya telah berubah, bukan sahaja untuk menikmati buah-buahan tempatan, tetapi juga buah-buahan yang diimport dari luar negeri. Dari angka-angka yang kemaskini adalah didapati bahawa Malaysia hanya

mengimport lebih kurang 23,000 tan buah-buahan yang tidak dikeluarkan oleh negeri ini seperti epal, anggur, lai dan matakucing iaitu hanya lebih kurang 5% sahaja daripada jumlah permintaan sebenar untuk buah-buahan. Buah-buahan yang diimport ini tidak digalakkan ditanam dalam negeri melainkan untuk penyelidikan.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh telah membangkitkan masalah padang ragut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1984 hanya \$130,000 telah diperuntukkan untuk kerja pembinaan kawasan-kawasan rumput kepunyaan para penternak bagi seluruh negara. Keutamaan ini telah diberi di atas sebab bahawa peruntukan bagi tahun 1984 amatlah rendah sekali jika dibandingkan dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan dalam tahun-tahun sebelum itu. Dengan yang demikian juga, bermaknalah pembinaan kawasan rizab ragutan terpaksa dikemudiankan sehingga peruntukan yang lebih banyak diperolehi dalam tahun-tahun hadapan.

Untuk Negeri Johor khasnya adalah terdapat banyak ladang-ladang ternakan yang besar kepunyaan Kerajaan. Oleh itu keutamaan biasanya yang diberikan kepada pembangunan kawasan pastura di ladang-ladang tersebut, malahan negeri Johor mempunyai bilangan ladang-ladang yang besar yang terbanyak sekali berbanding dengan negeri-negeri yang lain.

Berhubung dengan soal pemasaran yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Kementerian saya adalah berpuas hati dengan kegiatan-kegiatan FAMA dan usaha-usaha untuk mengatasi masalah pertanian khususnya memberi perkhidmatan pemasaran bahan-bahan pertanian bagi penduduk-penduduk di luar bandar. Sungguhpun demikian, usaha-usaha dan prestasi

FAMA itu sentiasa dikaji semula dari masa ke semasa dan tindakan sedang diambil untuk meluaskan aktiviti dari segi organisasi, kakitangan dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh pun telah memberikan cadangan-cadangan bagaimana Kerajaan boleh mengatasi masalah kecurian binatang-binatang ternakan dan Kementerian saya akan memberi perhatian yang sewajarnya.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh tadi juga telah meminta bahawa syarat yang dikenakan ke atas nelayan pukat tunda dikurangkan dari 5 batu ke 2 batu di pulau-pulau yang disebutkan oleh beliau. Tuan Pengerusi, izinkan saya menjelaskan bahawa mengikut syarat-syarat pada masa ini, kawasan-kawasan pulau yang tiada nelayan-nelayan tradisi menangkap ikan adalah dibuka untuk pukat tunda untuk menangkap ikan.

Beliau juga minta supaya semasa nelayan-nelayan ditangkap, kesalahan mereka diberitahu dengan segera. Lazimnya memanglah dibuat oleh pegawai penguatkuasa, akan tetapi kadangkala oleh kerana masalah logistik dan sebagainya tidak dapat diberi dengan begitu segera. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh memberi maklumat yang tertentu Jabatan Perikanan dan Kementerian Pertanian boleh dapat menyasiat dan mengambil tindakan sewajarnya. Beliau juga meminta supaya bot yang ditahan itu tidak ditahan dengan begitu lama. Jabatan Perikanan memang tidak sengaja melengah-lengahkan kes-kes tersebut. Akan tetapi jika kes ini kes-kes dibawa ke Mahkamah jadi masa tidak lagi dikawal oleh Jabatan Perikanan.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga telah mengatakan bahawa MARDI tidak memberitahu Jabatan Pertanian maklumat mengenai jenis-jenis padi yang sesuai

ditanam pada tempat-tempat yang tertentu. Saya tidak sedar ada, dengan izinnya, breakdown in communication seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya akan siasat sekiranya dapat butir-butir yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh juga telah bangkitkan masalah berkenaan dengan skim pemilikan bot. Jumlah pemilikan bot penangkap ikan dalam kategori 30 tan ke atas yang dipunyai oleh nelayan-nelayan bumiputera adalah sangat kecil jika dibandingkan dengan kaum-kaum bukan bumiputera. Menyedari hakikat ini LKIM telah melancarkan skim pemilikan bot untuk nelayan-nelayan bumiputera, di mana bot-bot diserahkan kepada nelayan-nelayan secara sewa-beli.

Seperti disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh salah satu masalah pokok ialah kekurangan usaha daripada nelayan dan keadaan ini telah menyebabkan mereka gagal membuat bayaran ansuran bulanan. Walau bagaimanapun, ada terdapat sebahagian besar nelayan yang telah mendapat faedah dari skim ini dan berjaya meningkatkan taraf mereka dari menjadi pekerja kepada usahawan.

Untuk memperluaskan skim pemilikan bot bagi nelayan LKIM dengan kerjasama Bank Pertanian Malaysia sedang melaksanakan skim kemudahan kewangan untuk memberi peluang kepada nelayan-nelayan mendapat pinjaman membeli bot dan perkakas penangkapan ikan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah menyoal tentang padi bukit. Seperti beliau sedia maklum, MARDI sedang menjalankan penyelidikan tentang padi bukit dan cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Berkenaan dengan MUDA 2 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat dari Ulu Muda, Kerajaan memang mengambil berat tentang betapa perlunya kemudahan-kemudahan parit dan taliair dipertingkatkan di kawasan Muda dan di luarnya. Bagi kawasan MUDA seperti mana saya telah menerangkan dahulu, satu projek perairan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan taliair tambahan sedang dilaksanakan di kawasan itu melalui projek MUDA 2. Kerja-kerja projek ini adalah dibiayai dari peruntukan di bawah Butiran 1100 sejak tahun 1979. Dalam tahun 1984 satu peruntukan yang agak besar iaitu sebanyak \$31.35 juta adalah disediakan untuk meneruskan kerja-kerja di bawah projek itu. Di sini juga saya ingin menjelaskan bahawa Butiran 149 ialah dimaksudkan untuk peringkat kedua projek MUDA 2 yang mana pelaksanaan masih dalam peringkat perancangan permulaan sahaja. Di luar kawasan MUDA pula beberapa rancangan taliair yang lain sedang dalam pelaksanaan melalui peruntukan yang disediakan di bawah Butiran 74 dan Butiran 10 (2) dan dalam tahun 1984 peruntukan sebanyak \$2.77 juta dan \$14.14 juta masing-masing telah diadakan bagi menyediakan kemudahan parit dan taliair untuk beberapa kawasan bendang kecil yang terletak di kawasan MUDA.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani telah membangkitkan soalan penswastan Lembaga Pertubuhan Peladang. Lembaga Pertubuhan Peladang ialah suatu badan berkanun, jadi soal pengswastan tidak berbangkit. Walau bagaimanapun, beberapa aspek kegiatan LPP sedang dikaji dengan tujuan diswastakan seperti perkhidmatan kejenteraan trektor-trektor, perkhidmatan pengangkutan lori-lori dan juga projek-projek yang diusahakan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang. Ini masih dalam kajian. Di sini saya hendak jelaskan bahawa walaupun begitu Pertubuhan Peladang adalah

badan swasta dan memanglah menjadi tujuan Kerajaan supaya keuntungan Pertubuhan Peladang dinaikkan.

Tentang soal subsidi membajak padi, satu perkara yang, dengan izin, very dear to the heart of our M.P. dari Sungai Petani. Saya pun telah menjawab pada beberapa hari yang lalu bahawa cadangan Ahli Yang Berhormat itu sedang diberikan pertimbangan serius oleh Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah merayu supaya peruntukan yang mencukupi disediakan untuk melaksanakan rancangan-rancangan taliair di negeri Sabah. Penyediaan kemudahan-kemudahan parit dan taliair di negeri Sabah dengan tujuan untuk mempertingkatkan pengeluaran padi sememangnya menjadi objektif Kementerian Pertanian sepanjang masa, selaras dengan tujuan ini maka peruntukan yang sewajar telah pun disediakan. Dalam tahun 1984 sebanyak \$6.22 juta telah disediakan di bawah Butiran 166. Ini merupakan kira-kira 50% lebih daripada peruntukan bagi tahun 1983 dan meliputi 11 projek taliair termasuk Rancangan Tandek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandau.

Berkenaan dengan peruntukan bagi Sabah dan Sarawak walaupun pada amnya jumlah peruntukan bagi kedua-dua negeri ini nampaknya kurang jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia tetapi dari segi kebolehan melaksanakan projek-projek pembangunan pertanian adalah terhad disebabkan oleh beberapa faktor seperti kekurangan pegawai-pegawai dan kakitangan yang berpengalaman, juga masalah kekurangan tenaga manusia untuk kerja di kawasan pertanian dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian sekarang melaksanakan satu projek yang penting di Sabah dan Sarawak iaitu Projek Perkembangan

Kebangsaan. Apabila projek ini disempurnakan, Jabatan Pertanian Negeri Sabah dan Sarawak boleh meningkatkan dan memperluaskan usaha-usaha mereka dengan melaksanakan aktiviti perkembangannya melalui sistem 2L—membraik dan membekal kepada petani biji benih yang bermutu, memberi latihan kepada kakitangan dan juga petani-petani.

Juga di kedua-dua negeri tersebut beberapa projek perairan kecil sawah (small scale irrigation scheme) sedang dilaksanakan untuk memperluaskan kawasan padi yang boleh ditanam dua kali setahun. Dengan adanya projek-projek seperti yang tersebut di atas dan projek-projek lain, saya berpendapat pengeluaran hasil pertanian dan taraf petani-petani di negeri-negeri Sabah dan Sarawak akan meningkat.

Memang benar bahawa sebanyak \$75.8 juta telah diuntukkan bagi subsidi baja padi Semenanjung Malaysia. Selain daripada tujuan menggalakkan penanaman padi serta meningkatkan hasil padi, skim subsidi itu juga bertujuan meningkatkan pendapatan para petani di bawah garis kemiskinan. Kawasan padi yang diusahakan di Semenanjung Malaysia adalah selalu satu juta ekar melalui cara penanaman dua musim setahun. Akan menjadi masalah besar terhadap keperluan negara jika sekiranya skim ini tidak diteruskan. Kawasan penanaman padi Sabah dan Sarawak adalah terhad dan tidak ekonomik untuk dibiayai melalui skim subsidi. Namun demikian, Kementerian telah pun mewujudkan Rancangan Bantuan Lada Hitam dan Rancangan Subsidi Sago bagi negeri Sarawak kedua-duanya berjumlah \$2.11 juta. Dengan peruntukan ini Kementerian berpendapat bahawa negeri Sabah dan Sarawak juga tidak ketinggalan. Walau bagaimanapun, Kementerian akan mengkaji keperluan kedua-dua negeri itu pada tahun 1985.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah membangkitkan beberapa masalah dan pandangan beliau tentulah dihargai oleh Kerajaan memandangkan bahawa pada satu masa lalu beliau pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri Kedah. Beliau mengatakan bahawa pada satu masa yang lalu had untuk pergerakan pukut tunda cuma tiga batu dari pantai tetapi sekarang telah dilanjutkan hingga 5 batu. Ini dibuat dengan tujuan menjaga sumber perikanan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus semalam.

Berkenaan dengan nelayan-nelayan asing, Kementerian saya bersama-sama dengan Polis Merin akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang lebih ketat. Beliau juga mengatakan bahawa nelayan sukar memastikan di mana terletaknya sempadan yang ditentukan oleh Jabatan Perikanan. Soal menentukan sempadan tidak timbul oleh nelayan-nelayan tulin kerana mereka sendiri mahir tentang pelayaran. Walau bagaimanapun tangkapan-tangkapan yang dilakukan oleh agensi penguatkuasa, pada lazimnya tidak dilakukan di kawasan sempadan tetapi di dalam kawasan sempadan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah telah memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa lembu-lembu dalam kawasan beliau telah diberi, dengan izin, "birth control pills", jadi tidak dapat beranak. Jadi Kementerian saya akan cuba memberi "fertility pills" supaya boleh beranak sekali lagi. Kementerian saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan masalah ini dan saya akan mengarahkan Jabatan Haiwan supaya menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Beliau juga telah membangkitkan soal MUDA 2 dan ini pun telah dijelaskan tadi sewaktu menjawab seorang Ahli Yang Berhormat yang lain.

Laporan Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan keadaan Sungai Kedah dan betapa perlunya satu projek untuk memelihara sungai itu akan diambil perhatian dan Kementerian akan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya kedudukan kewangan mengizinkan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah memberi pandangan-pandangan yang membina dan cadangan-cadangan yang baik tentang susunan dan pergerakan Persatuan Nelayan dan Kementerian saya akan memberi perhatian yang sewajarnya.

Sekali lagi, Tuan Pengerusi, izinkan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan peruntukan Kementerian saya dan sekiranya jawapan saya tidak memuaskan saya minta maaf daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya sedia memberi penjelasan yang lebih lanjut sekiranya perlu secara bertulis.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$342,116,300 untuk Maksud B. 21 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$342,116,300 untuk Maksud B. 21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$714,850,500 yang disebutkan dalam Maksud P. 21 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$714,850,500 untuk Maksud P. 21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

Maksud B. 22 (Jadual)—

Maksud P. 22 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

5.31 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Bekalan 22 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Butiran 1100, Program (2)—Penggalakan Perdagangan, muka surat 215.

Tuan Pengerusi, di bawah peruntukan yang diberi kepada Program (2), Penggalakan Perdagangan nampaknya agak bertambah pada tahun ini dan saya mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian kerana memberi peruntukan yang agak berlebihan dengan harapan supaya prestasi dan matlamat di bawah penggalakan perdagangan ini akan dapat ditingkatkan sejajar dengan kehendak kemajuan yang harus dicapai oleh negara sendiri di dalam bidang perdagangan.

Selain daripada apa yang telah dijelaskan di dalam program penggalakan perdagangan ini sukalah saya menyarankan di sini supaya pihak Kementerian dapat mengambil daya usaha agar memastikan bahawa yang negara kita Malaysia ini akan dapat benar-benar mendapat faedah yang maksima dalam pelaksanaan semua program perdagangannya baik di dalam ataupun di luar negeri selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru Kerajaan sendiri.

Usaha Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi mempergiat dan mempertingkatkan lagi perdagangan secara "counter trade" adalah sesuatu yang amat berfaedah dan adalah diharapkan agar usaha-usaha ke arah

tersebut akan dapat dilipatgandakan. Sekiranya perkara ini dapat dilaksanakan dengan sempurna maka adalah hasrat strategi Belanjawan untuk dapat memperimbangan pembayaran negara akan dapat memberi erti yang sebenar-benarnya seperti yang telah dirancangan.

Usaha bagi menggalakan eksport negara juga perlu dipergiat dan ditingkatkan supaya dapat diperluaskan lagi pesanan barang-barangan tempatan di pasaran luar dan antarabangsa dan jika perlu haruslah pihak Kementerian ini dapat mengadakan lebih banyak lagi rombongan-rombongan pelaburan ataupun rombongan perdagangan dan pamiran-pamiran perdagangan di luar negeri untuk dapat memperkenalkan barang-barangan dan menjualkan lebih banyak barang-barangan keluaran negara yang mana dengan ini adalah diharap supaya ianya akan dapat menambahkan peluang-peluang pengeksportan pengeluaran di negara kita sendiri.

Selain daripada itu saya juga berharap agar usaha-usaha bagi menambahkan penyertaan dan penglibatan di bidang pengeksportan dan perdagangan ini haruslah dititikberatkan tentang usaha-usaha bagi mempertingkat dan menambahkan lagi penyertaan dan penglibatan sektor perdagangan ini kepada kalangan-kalangan Bumiputera sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru yang mana dengan harapan ianya akan dapat benar-benar membawa makna seperti yang diharapkan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga berharap bahawa di dalam penggalakkan perdagangan ini tidak hanya semata-mata untuk dapat memperdagangkan barangan-barangan di sektor yang diharap akan meningkatkan kejayaan semata-mata

tanpa memikirkan kepentingan-kepentingan khasnya sejajar dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru.

Yang keduanya tentang galakan perdagangan ini juga ialah mengenai counter-trade yang disarankan sekarang ini supaya usaha-usaha ini dapat diberikan bukan sahaja kepada perbadanan-perbadanan ataupun agensi-agensi ataupun syarikat-syarikat yang sedia ada yang dikendalikan oleh pihak swasta tanpa memikirkan kepentingan Bumiputera kerana tidak bererti sekiranya di dalam bidang penggalakan perdagangan hanya dapat kita tingkatkan tanpa membawa sebarang makna kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dari itu peluang-peluang yang lebih haruslah diberikan kepada kalangan Bumiputera di dalam penyertaan dan perlaksanaannya, mudah-mudahan dengan ini akan membawa sedikit pertambahan kepada pencapaian maksud Dasar Ekonomi Baru.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, di dalam bidang penggalakan perdagangan ini, apa yang kita dapati kadangkala mengikut laporan yang pernah saya dapati, saya tidak dapatlah hendak menyatakan sama ada benar atau tidak; walau bagaimanapun saya rasa haruslah mendapat penjelasan dan kalau sekiranya benar, tidak sepatutnya perkara-perkara yang seumpama ini berlaku di mana adanya pegawai-pegawai yang ditugaskan di Kementerian Luar Negeri kita yang khusus mengenai perkembangan perdagangan, ada di antaranya; sebahagian kecil yang menjalankan tugasnya nampaknya tidak menguntungkan keperluan dasar negara. Maksud saya tentang untuk mencapai tujuan matlamat Dasar Ekonomi Baru kerana ada di antara pegawai-pegawai ini yang kadangkala membawa ataupun menyampaikan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak di negara kita sendiri. Misalnya di dalam penyertaan dan di

dalam syarat-syarat untuk penyertaan Bumiputera dan ada pula di antara setengah daripada setengahnya hanya memberi perhatian kepada kalangan-kalangan yang tertentu untuk dapat memasarkan barangan-barangan negara tanpa memberi usaha-usaha yang bersungguh-sungguh terhadap sektor Bumiputera yang juga merupakan di antara sektor yang mampu mengeluarkan barangan-barangan dan keperluan-keperluan untuk di eksport dan kalau inilah sebenarnya berlaku, saya berharap pihak Kementerian memberi perhatian yang serius dan jika perlu mengambil tindakan-tindakan membetulkannya supaya apa yang saya sebutkan tadi tidak akan berlaku dan berpanjangan.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, tentang penggalakan perdagangan yang dapat saya berikan pandangan saya dan dengan ini saya menyokong di atas peruntukan yang dipohon.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Labis.

5.45 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan 22, muka surat 216, Butiran 1200, Program (4) (b) Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Pengerusi, Hal Ehwal **Pengguna** hari ini merupakan satu perkara yang penting oleh kerana rakyat jelata membeli dan menggunakan berbagai-bagai jenis barang-barang makanan terutamanya yang memerlukan supaya mereka mendapat barangan yang bermutu tinggi dan juga barangan yang dijamin daripada segi mutunya (quality) dan juga daripada segi bahan-bahan yang terkandung di dalam barangan-barangan yang dijual kepada mereka.

Dalam hal ini saya suka menyentuh mengenai iklan-iklan yang mengelirukan di mana pengguna-pengguna sentiasa cuba dipercayakan oleh pengeluar-pengeluar barang makanan melalui iklan-iklan yang terlalu ghairah, barangan mereka dijamin ataupun terjamin walhal kalau dicuba ataupun dimakan barangan yang dibeli itu tidaklah seperti apa yang diperkatakan di dalam iklan-iklan mereka. Jadi saya mengesyorkan supaya dikawal dengan lebih ketat lagi akan iklan-iklan yang sungguh mengelirukan orang ramai ini.

Dalam hal ini juga kita menghadapi perkara yang biasa iaitu keengganan pengeluar barang-barang makanan dan juga ubat-ubatan, keengganan mereka menandakan tarikh maksima bagi sesuatu barangan itu digunakan. Jadi kadangkala kita tidak ada pilihan melainkan membeli satu barang makanan itu dengan harapan bahawa ianya selamat dimakan.

Jadi Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang ingin saya timbulkan di dalam perbincangan pada hari ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.49 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, pada umumnya izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini atas berbagai-bagai inisiatif yang dibuat bagi memperkuatkan lagi ekonomi negara kita menerusi Kementerian.

Walau bagaimanapun ada satu dua perkara yang ingin saya sentuh terutama sekali berkenaan dengan Maksud B. 22 muka surat 215, Butiran 1100, Program (3) (b) Kemajuan Perusahaan-perusahaan Kecil.

Saya telah difahamkan di dalam Dewan yang mulia ini berbagai-bagai rancangan dan program telah diatur,

disusun dan sedang, telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian ini tetapi hakikat yang wujud sekarang ini iaitu suatu pertumbuhan perusahaan-perusahaan kecil yang berlaku dengan secara mendadak, umpamanya perusahaan kecil berkenaan dengan bengkel membaiki jentera-jentera motor, motokar, motosikal dan lain-lain kenderaan yang ada di dalam negara kita ini.

Walaupun kita bersetuju dan kita berbangga dengan pertumbuhan perusahaan-perusahaan kecil ini akan tetapi kadangkala telah banyak menimbulkan masalah kepada masyarakat. Ini disebabkan kawasan yang tidak begitu sesuai, kadang-kadang berlaku di dalam kampung-kampung umpamanya, contohnya Simpang Penaga, Kuala Kangsar. Kalau kita lihat di situ sudah hampir melarat ke Kota Lama Kiri. Mungkin tuan punya tanah itu dia berbangga kerana mendapat sedikit sebanyak sewaan atau imbuhan daripada pertumbuhan industri itu tetapi mereka yang tinggal berhampiran dengan kawasan itu kadangkala berada di dalam keadaan yang tidak tenteram. Kerana bisingnya bunyi jentera-jentera ini yang tidak tentu siang malam, mungkin akan mengganggu ketenteraman masyarakat yang ada di sekeliling. Dan selain daripada itu oleh sebab ruang dan kawasan itu begitu sempit, kadangkala boleh mengganggu pula lalulintas dan ini menyusahkan orang ramai apabila sampai kepada kawasan-kawasan yang tersebut. Oleh sebab itu mungkin sudah ada, dan kalau tidak, saya rasa adalah menasabah pihak Kementerian ini cuba mengenal pasti kawasan-kawasan seumpama ini supaya boleh dirancangan untuk ditempatkan di satu kawasan yang sesuai.

Saya rasa dalam hubungan ini kerjasama daripada peringkat Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Tempatan serta daerah-daerah

mungkin diperolehi dengan mudah, umpamanya, di Kuala Kangsar itu saya pun sudah ada dengar pihak Pegawai Daerah sudah mencari-cari kawasan untuk menempatkan bengkel-bengkel yang ada itu di satu kawasan yang sesuai supaya perusahaan itu dapat terus tumbuh dengan suburnya tanpa mengganggu ketenteraman awam yang lain.

Jadi dengan perancangan yang teratur dan tersusun bukan sahaja akan dapat memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha kecil ini untuk terus bergiat di dalam perusahaan-perusahaan kecil yang digemarinya itu akan tetapi dapat mencantikan kawasan sesebuah bandar itu. Umpamanya, katalah di Kuala Kangsar itu kalau dapat ditempatkan di satu kawasan lain maka bengkel-bengkel kereta yang ada di belakang bazaar dan di sana-sini dapat dipindah dan ditempatkan. Kawasan-kawasan itu akan lapang dan kawasan-kawasan seperti ini bukan sahaja mencantikan bandar itu tetapi boleh pula diubahsuai untuk dirancangan pembangunan di dalam lain-lain sektor, seumpama membuka kedai-kedai ataupun gerai-gerai bagi kepentingan mereka yang berminat di dalam lapangan yang lain seperti kedai runcit atau lain-lain.

Inilah satu perkara yang patut saya fikir walaupun kecil, barangkali pada anggapan pihak Kementerian, tetapi saya rasa keadaan ini berlaku di seluruh negara sama ada di pekan kecil ataupun di pekan besar. Tak usahlah kita pergi ke mana-mana, kalau kita masuk ke kawasan perkampungan di Kuala Lumpur ini, misalnya di Kampung Pandan, di depan rumah saya sewa itu, ada satu bengkel motor di situ. Dia punya bising, siang malam kita hendak tidur pun tidak boleh. Tetapi saya membawa ini bukan kepentingan saya tetapi kepentingan umum. Jadi kalau terdapat bengkel-bengkel seperti ini dilarang dan

ditahan, maka ini bercanggah dengan hasrat kita untuk melahirkan sebanyak-banyaknya perusahaan kecil yang berpotensi di dalam negara kita ini. Kerana dengan ada bengkel-bengkel seperti ini di kawasan-kawasan kampung akan memberi kemudahan kepada mereka yang mempunyai jentera-jentera bermotor seperti kereta, motor dan sebagainya. Apatah lagi pula terutamanya orang bumiputera, dia tidak ada banyak duit, dia beli kereta terpakai (second-hand) 7-8 tahun. Kereta-kereta macam ini sudah tentulah memerlukan rawatan selalu, ibarat manusia sudah tua, selalu kena ke hospital. Jadi kereta ini selalu kena bawa ke bengkel-bengkel. Kalau bengkel duduknya jauh macam mana? Ini menyusahkan. Tentu dia mendesak Kerajaan supaya buat bengkel di situ. Sekarang bengkel sudah ada, cuma hendak kita atur dan kita susun sahaja supaya keadaannya cantik, elok dan senang serta tidak mengganggu alam sekitar.

Selain daripada itu, saya berharap jugalah kawasan-kawasan yang sudah dikosongkan supaya tindakan-tindakan yang positif patut diambil untuk merancang pembangunan-pembangunan yang lain. Jadi dengan yang demikian "sekali mengorak pura, dua tiga hutang langcai".

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, suka saya menyentuh P. 22, muka surat 216, Butiran 1200, Program (4)—Perlindungan Pengguna-pengguna; (a) Yunit Penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi, saya menerima hakikat bahawa Yunit Penguatkuasaan ini memanglah satu yunit yang aktif, yang bergerak cergas di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Hasilnya banyak faedah dan nikmat yang telah dapat dikecap atau dirasai oleh pengguna-pengguna. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, saya merasa dukacita

apabila kita melihat kepada peruntukan kepada yunit ini nampaknya telah dikurangkan terutamanya di dalam kos menambahkan kakitangannya. Umpamanya seperti B. 22 Butiran 1300, Program 4 (a). Tahun 1983 \$330,000 tetapi tahun 1984 dikurangkan \$325,200 sahaja, dalam tambahan kos kakitangan. Kerana dengan apa yang ada pada masa-masa yang lepas walaupun banyak kemajuan telah dicapai tetapi dengan tegas saya menyatakan sumbangan dan perkhidmatan yang diberikan oleh yunit ini belum dapat dibanggakan oleh pengguna-pengguna di negara kita ini. Sebabnya kita lihat kian hari kian banyak usaha-usaha mengeluarkan barang-barang tiruan di dalam berbagai-bagai bentuk dan berbagai jenis barang yang digunakan oleh pengguna-pengguna, sama ada di dalam masalah atau bahagian makanan, bahagian pakaian tidak kira, bahagian ubat-ubat dan lain-lain lagi. Oleh sebab itu saya berseru supaya unit ini hendaklah diperkemaskan lagi dan dipertingkatkan lagi produktiviti supaya potensinya lebih dapat manfaat kepada pengguna-pengguna di dalam negara kita ini, kerana kita, Tuan Pengerusi hendaklah menerima hakikat bahawa perbuatan mengeluarkan barang-barang tiruan ini adalah suatu perbuatan jenayah bukan sahaja kepada barang-barang makanan, merosakkan kesihatan pengguna-pengguna, malah mungkin ia boleh membawa maut kepada pengguna-pengguna. Begitu jugalah di dalam barang-barang seperti alat solek umpamanya, yang seringkali kita dengar bahan-bahan kimia campuran itu boleh merosakkan kulit, merosakkan pipi yang licin, merosakkan hidung yang mancung dan bermacam-macam lagi. Manusia yang begitu handsome, begitu segar dengan memakai benda-benda yang dibuat oleh pembuat-pembuat barang tiruan ini sehingga menjadi manusia yang hodoh. Ini adalah satu siksaan yang

diterima oleh pengguna-pengguna akibat perbuatan-perbuatan manusia yang tidak bertanggungjawab.

Selain daripada itu, dengan berkembangnya industri-industri membuat buatan barang-barang tiruan ini akan menjejaskan syarikat-syarikat yang bertumbuh di dalam negara kita ini yang benar-benar menjalankan atau mengeluarkan barangan yang berkualiti tinggi yang dapat memanfaatkan bukan sahaja tubuh badan, kulit, malah kesihatan pengguna-pengguna yang menggunakan bahan-bahan makanan atau ubat-ubatan yang dibuat itu, tetapi kerana adanya bahan-bahan tiruan inilah yang boleh menjejaskan perniagaan mereka, merosakkan nama baik mereka selain daripada merosakkan masa depan pengguna-pengguna itu sendiri. Oleh sebab itu saya rasa suatu tindakan yang keras, hukuman yang berat hendaklah diambil kalau belum ada undang-undangnya, Kementerian ini hendaklah menyarankan dan membawa ke Parlimen ini. Saya orang pertama akan bercakap menyokongnya mengenakan hukuman yang berat kepada setiap orang yang melakukan perbuatan membuat barang-barang tiruan ini. Jadi tindakan-tindakan seperti ini sudah tentu dialu-alukan oleh pengguna-pengguna di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, kita juga telah dapat memberi perlindungan kepada pertumbuhan syarikat-syarikat yang benar-benar bertanggungjawab untuk mengeluarkan barangan sama ada bentuk makanan, pakaian, solekan dan lain-lainnya bagi faedah pengguna-pengguna di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja pandangan saya yang singkat dalam membahas berkenaan dengan Kementerian ini dan dengan ini saya menyokong di atas Anggaran yang

dipinta oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Bekalan B. 22 dan P. 22.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

6.05 ptg.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan ini, saya suka bercakap dalam Kepala B. 22, Maksud Bekalan 22, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, muka surat 215, Butiran 1100, Program (2), ceraihan (a)—Perdagangan Dalam Negeri.

Suka saya bercakap juga dalam muka

Tuan Pengerusi: Cakap perkara yang pertama dahulu.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Pengerusi, perdagangan dalam negeri, terutama sekali kemajuan-kemajuan barangan-barangan pengeluaran dalam negeri kita sepatutnya mestilah bagi pihak Kerajaan menyekatkan apa-apa barangan-barangan yang serupa yang ada di Malaysia ini ataupun pengeluaran-pengeluaran daripada faktori dalam negara kita, bahawa barang dari luar negeri itu disekat supaya barang-barang dari dalam pengeluaran kita sendiri boleh maju dan digunakan oleh rakyat Malaysia seluruhnya.

Sebab yang saya katakan begitu ada di antara barang-barang datang misalnya dari Taiwan, sedangkan barangan-barangan itu ada di Malaysia seperti barang-barang buatan kayu kerana kita Malaysia kaya dengan kayu dan tukang-tukangnya bijak dan boleh buat yang serba indah, tidak kurang daripada apa yang dibuat oleh negara-negara lain. Maka barang-barang yang seumpama ini didapati banyak daripada negara-negara lain yang kita

terima maka ini adalah satu daripada yang merugikan barangan kita sendiri. Sebabnya apabila ada barangan-barangan luar negeri tentu sekali si pembeli-sipembeli boleh membuat perbandingan, kadang-kadang perbandingannya itu tidak begitu banyak beza, cuma dalam segi cat ataupun varnish, itu sahaja perbezaannya. Dari segi kualiti dan sebagainya boleh dikatakan tidak ada perbezaan. Itulah saya syorkan kepada Kerajaan supaya barangan yang ada, yang dikeluarkan oleh fakteri-fakteri di negeri kita tidak dibenarkan masuk barang yang serupa itu supaya dapat dimajukan daripada pengeluaran kita sendiri.

Muka surat 219, Butiran 2400, Program 2, ceraiian (b)—Perdagangan Antarabangsa. Dalam perdagangan antarabangsa ini, sebenarnya negara kita adalah sebuah negara yang cukup kaya dengan barangan-barangan seperti kayu, tetapi yang menjadi masalahnya ialah kapal. Kita di Malaysia kurang kapal walaupun beberapa banyak barang tetapi kapal kurang tentu sekali kita tersangkut ataupun tidak boleh hendak majukan dengan seberes-beresnya. Sebab apa yang saya kata begitu banyak di antara negara-negara luar, dia suka membeli barangan-barangan daripada sesebuah negara itu secara CIF ataupun CNF, lebih-lebih lagi negara Arab dia tidak suka membeli barang daripada sebuah negara lain secara FOB iaitu secara beli barang dari negeri itu, kemudian dia sendiri menguruskan kapal, insuran dan sebagainya.

Orang-orang Arab tak suka cara begitu, orang Arab suka secara CIF, iaitu boleh terima dengan mudahnya, iaitu apa segala urusan itu dibereskan oleh pihak penjual. Maka ini membawakan daripada bantutnya juga penjualan-penjualan dari negara kita ke negara-negara yang berhajat secara CIF itu. Maka secara CIF mesti mahu kapal. Apabila kapal kurang, kapal tak

ada, sudah hendak jual secara CIF terbantut ataupun tak boleh hendak jual kerana harga mahal.

Misalnya, kita ada kayu, kita hendak jual ke sesebuah negara. Apabila kapal tak ada, kita terpaksa pergi berunding dengan negara-negara jiran yang ada mempunyai banyak kapal, seperti Singapura. Maka negara yang ada mempunyai banyak kapal dengar kayu atau barangan daripada negara Malaysia, maka harga tambang kapal dinaikkan. Apabila harga tambang kapal itu dinaikkan, sudah dengan sendiri barangan sudah jadi mahal. Apabila sudah jadi mahal, bagaimana negara pembeli itu hendak beli.

Contohnya, saya sendiri tengok kayu dari Malaysia hendak hantar ke Negeri Arab, ini saya sendiri tengok, dan saya meneliti betul-betul, hendak dijual ke Negara Arab dengan secara CIF. Kemudian terpaksa kapalnya kita pergi berunding dengan syarikat-syarikat perkapalan di Singapura kerana kita tak cukup kapal. Maka syarikat perkapalan Singapura harga tambang itu dinaikkan, katanya boleh beli kayu daripada Singapura. Macam juga kayu daripada Malaysia, misalnya keruini, tetapi harganya lebih murah daripada beli dari Malaysia. Sebenarnya harga kayu memang murah di Malaysia, akan tetapi harga tambang itu mahal, sudah jadi harga itu mahal. Jadi lebih murah lagi kayu di Singapura daripada di Malaysia. Ini benar-benar berlaku.

Sebagaimana apa yang saya tengok Negeri Arab, Negeri Arab ini ialah negara yang banyak beli kayu, tetapi kayu dari Malaysia amat sedikit, kebanyakan kayu-kayu datangnya kayu Singapura sedangkan negara Singapura mana kayunya itu, memang tak ada kayu, kayu itu dari Malaysia, iaitu orang-orang berniaga besar-besar daripada Singapura datang ke Malaysia pergi ke mana-mana sawmill beli kayu dengan harga yang murah, sampai ke Singapura di copnya kayu itu

“Singapura, Singapura, Singapura”, sudahlah negara yang membeli itu kata kayu Singapura.

Kemudian, pasaran-pasaran boleh dikatakan dunia sekarang, seluruh dunia berkiblat dalam segi perdagangan ini ke Negara Arab sehinggakan di Eropah banyak kedai-kedai selama ini tak ada tulis Arab, sekarang tulis Arab. Sebab apa? Kemajuan-kemajuan itu boleh dikatakan kiblatnya kepada Negara Arab; Arab ini banyak membeli kayu dan sebagainya. Tetapi sayangnya, ada di antara kayu Malaysia ini dibeli oleh orang-orang Arab daripada negara-negara Eropah, tetapi kayu itu kayu Malaysia. Sebab apa? Tak lain dan tak bukan ialah kita tidak boleh menghantar direct dengan secara selaris-larisnya disebabkan kekurangan kapal.

Oleh yang demikian, saya mengesyorkan supaya Kerajaan membanyakkan membina kapal, iaitu meragakan “shipyard” biar banyak-banyak supaya barangan-barangan dari negara kita ini dapat dilariskan dengan selaris-larisnya, tidak terganggu sebarang gangguan.

Muka 224, butiran 4500, Program (8), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Dalam mengenai filem-filem Malaysia, oleh kerana kita tengok di akhir-akhir ini mutu filem Malaysia amat tidak begitu sangat menarik kalau kita hendak bandingkan dengan filem-filem dari negara-negara lain. Misalnya kita katalah filem Melayu, kadang-kadang orang Melayu sendiri tak suka tengok filem Melayu sebab cerita-ceritanya, lakonan-lakonannya tidak menarik. Sepatutnya hari ini filem-filem itu lebih lagi menarik daripada zaman-zaman dahulu, kerana katalah kalau masa 10-20 tahun lalu filem-filem keluaran Malaysia, filem nasional dan sebagainya, kita tengok pelakon-pelakonnya tidak sangat terdiri daripada orang-orang terpelajar,

tidaklah macam hari ini, dan negaranya pun tidak begitu moden sangat seperti sekarang ini. Sepatutnya sekarang ini dunia yang sangat luas dan penuh dengan kemodenan dan serba-serbi kemudahan yang boleh pelakon-pelakon itu mengambil pengalaman-pengalaman yang luas. Sepatutnya filem-filem itu mutunya lebih baik, tetapi di sebaliknya mutu-mutu filem itu tidak begitu sangat baik.

Dengan yang demikian, rasa saya eloklah saya syorkan supaya Kerajaan mengadakan sebagai kolej ataupun sekolah boleh mengeluarkan pelakon-pelakon yang baik. Seperti di negara-negara lain banyak didapati ada kolej yang dinamakan “College Cinema” ataupun Kolej Wayang Gambar. Daripada kolej itulah boleh mengeluarkan pelakon-pelakon yang bijak pandai, memang belajar dan dilatih betul-betul. Adapun kita di sini rasa saya walaupun dilatih, tetapi tidak dilatihkan betul-betul. Kalau sekiranya diadakan kolej ataupun sekolah cinema, jadi pelakon-pelakon itu diberi certificate yang boleh mereka berlakon dengan betul-betul yang boleh menjadi sambutan pengeluaran filem itu bukan sahaja setakat di negara kita dan boleh mendapat sambutan kepada negara-negara lain juga. Itulah yang saya syorkan.

Rasa saya memadailah setakat ini dan saya menyokong Maksud Bekalan 22, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Baling, lepas ini saya akan meminta Menteri yang berkenaan menjawab.

6.20 ptg.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap di muka surat 215, Program (3), Butiran (a) Kemajuan Perindustrian dan (b) Kemajuan Perusahaan Kecil.

Tuan Pengerusi, maksud ini ialah untuk memesatkan lagi kemajuan perindustrian sama ada kecil atau besar.

Tuan Pengerusi, saya berharap secara menyeluruh, tidak saya tumpukan kepada bandar-bandar di pekan-pekan sahaja yang telah ditentukan supaya kalau boleh dapat diadakan di tiap-tiap daerah terutama sekali terhadap cadangan mengadakan industri kecil tempatan supaya dapat memberi peluang kepada semua rakyat jelata yang mana telah memahami dengan adanya industri besar ataupun kecil dapatlah mereka mendapat peluang bekerja untuk sara hidup mereka dan juga menjamin supaya penghijrahan tidak berlaku begitu pesat sekali oleh belia-belia daerah luar bandar ke dalam bandar. Kadangkala belia-belia tersebut tidak mendapat kawalan di segi akhlak dan peribadi untuk lebih kesopanan dan berperangai yang baik. Oleh itu saya mengesyorkan supaya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian khususnya dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri supaya mengadakan kuasa tertentu untuk tapak-tapak industri lebih kurang 50 atau 60 ekar buat peringkat pertama di tiap-tiap daerah supaya memberi galakan kepada pengindustri-pengindustri bagi memulakan apa sahaja perusahaan dan perindustrian dengan harapan dapat diikuti oleh pengusaha-pengusaha lain yang mana akan menjadi tapak perindustrian yang teratur dan tersusun dan tidak berselerak mengikut kemudahan dan kemahuan pengusaha-pengusaha sendiri.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap kepada pihak Kementerian supaya memberi galakan dan mengambil perhatian di atas perancangan dan cadangan yang didapati oleh pengusaha-pengusaha tempatan dari luar bandar yang akan menjalankan perusahaan bahan tempatan seperti

kayu, rotan dan buluh dan juga seperti di kawasan saya ada gunung yang boleh dibuat mar-mar, selain daripada batu kegunaan biasa di samping dapat kerjasama daripada pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya menyelaraskan pelaksanaan bagi industri kecil yang dimaksudkan itu supaya berhasil.

Tuan Pengerusi, bagi mengakhirinya saya menarik perhatian kepada muka surat 218 iaitu Rombongan dan Pamiran Perdagangan. Saya berharap supaya pihak Kementerian dapat mengawasi dan memberi peluang yang lebih supaya peserta-peserta rombongan untuk sesuatu pamiran dan perdagangan itu dapat diberi peluang yang lebih kepada pihak bumiputera. Saya berasa begitu kesal sekali baru-baru ini iaitu dalam pamiran perdagangan di Canton yang mana saya bersama rombongan tersebut hanya didapati empat orang sahaja pengusaha-pengusaha daripada bumiputera yang berserta di antara 200 orang pedagang daripada Malaysia. Jadi, saya percaya dengan adanya menghadiri pamiran perdagangan yang diadakan di mana-mana sahaja dapat memberi peluang yang lebih untuk menarik peserta tersebut di dalam memaju dan memperbesarkan dagangannya dan perusahaan masing-masing khususnya pengusaha-pengusaha bumiputera sehingga dapat membuat perhubungan perniagaan, dapat mereka ketahui apa itu dunia perniagaan yang menjamin keuntungan dan rezeki yang berlipat ganda dan berlebih-lebihan seperti yang dikehendaki oleh ajaran Islam kita yang mana 9 daripada 10 rezeki itu ialah berniaga.

Sekian, saya menyokong Maksud Bekalan 22, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi: Saya minta Menteri menjawab.

6.24 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bangun untuk menyokong peruntukan yang dimohon oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saya amat sukacita menyatakan bahawa apa-apa yang telah pun disyorkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi semuanya diambil perhatian oleh pihak kita dan langkah-langkah selanjutnya akan dijalankan bagi memastikan cadangan-cadangan yang baik itu dilaksanakan seberapa yang boleh.

Tuan Pengerusi, beberapa perkara telahpun disentuh di dalam bidang perdagangan dan perindustrian dan saya ingin memberikan serba sedikit penjelasan-penjelasan di atas perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai telah pun menekankan satu daripada aspek terpenting dalam kegiatan ataupun aktiviti Kementerian Perdagangan dan Perindustrian iaitu dalam hal yang berkaitan dengan menggalakkan perdagangan khusus dalam konteks penglibatan kaum bumiputera di dalam menggalakkan barangan-barangan mereka dieksport ke luar negeri. Dalam hal ini inginlah saya jelaskan, memanglah sentiasa diberikan perhatian di dalam segala usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian untuk menentukan sejumlah peserta yang mengikuti rombongan-rombongan perdagangan itu hendaklah terdiri daripada kalangan bumiputera. Keduanya disentuh tentang usaha untuk menggalakkan perdagangan di peringkat antarabangsa melalui satu cara baru yang sedang pun kita

laksanakan sekarang ini yang disebutkan sebagai counter trade.

Saya ingin menjelaskan bahawa semenjak unit counter trade ditubuhkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, sambutan daripada beberapa kalangan terhadap usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini dalam hendak menggalakkan perdagangan di peringkat antarabangsa dengan negara-negara yang mungkin menghadapi masalah dari segi pertukaran wang asing melalui skim counter trade ini boleh dikatakan amat menggalakkan. Dalam hal ini memanglah sentiasa menjadi harapan kita bahawa kalau masyarakat bumiputera mengambil bahagian yang aktif menerusi skim ataupun unit yang telah pun ditubuhkan di Kementerian itu.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat juga telah pun menyentuh tentang perkara yang berkaitan dengan tugas yang dilakukan oleh pihak pegawai ataupun Pesuruhjaya Perdagangan kita yang ada di pusat-pusat ataupun di mission kita di luar negeri. Apa yang disebutkan oleh ahli Yang Berhormat tadi, saya mengambil perhatian. Sukalah saya jelaskan bahawa tugas dan tanggungjawab pegawai ataupun Pesuruhjaya Perdagangan kita di luar negeri adalah sentiasa diawasi oleh pihak Kementerian sendiri menerusi peraturan-peraturan dan garis-garis panduan yang telah pun dikeluarkan oleh Kementerian dari masa ke semasa. Laporan-laporan berkenaan dengan kegiatan-kegiatan dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pegawai ini dari segi hendak menggalakkan dan meningkatkan usaha-usaha perdagangan di antara negara-negara tersebut dan negara Malaysia sentiasa diberikan perhatian. Laporan-laporan mengikut sama ada di peringkat bulanan ataupun peringkat 3 bulan sekali dan sebagainya diberikan

ataupun dihantar ke peringkat Kementerian dan kita mengkaji syor-syor yang telah dikemukakan oleh pihak pegawai-pegawai ataupun Pesuruhjaya Perdagangan yang berkenaan itu.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa ada setengah ataupun setengah-setengah daripada pihak pegawai-pegawai perdagangan ini tidak menyampaikan maklumat yang tepat. Saya berharap kalau sekiranya ada kenyataan-kenyataan yang khusus mengenai pusat-pusat perdagangan yang manakah mungkin berlaku perkara itu, saya amat berterima kasih sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat menyampaikan kepada saya dan langkah-langkah ataupun tindakan-tindakan sewajarnya boleh diambil kepada mereka yang tidak mematuhi arahan-arahan ataupun dasar-dasar yang ditentukan oleh pihak Kerajaan sendiri.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Labis telah membangkitkan soal yang berkaitan dengan kepentingan pengguna atau perlindungan pengguna. Memang ini merupakan salah satu daripada aktiviti yang sedang pun dilakukan oleh pihak Kementerian untuk menentukan bahawa pengguna-pengguna kita tidak dieksploitasi dengan sewenang-wenangnya oleh pihak pengeluar-pengeluar ataupun peniaga-peniaga dan dalam hal ini ada undang-undang yang tertentu yang sudah pun dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk menentukan mereka ataupun pengguna-pengguna ini tidak akan dikelirukan, umpamanya dengan iklan-iklan yang tidak betul dan juga iklan-iklan yang tidak mencerminkan barangan-barangan yang sebenarnya yang dijual dengan harga yang tidak berpatutan.

Saya ingin menjelaskan bahawa dalam hal ini tindakan tegas memangnya biasa diambil di bawah

Akta Perihal Dagangan 1972 kepada pihak-pihak peniaga-peniaga yang tidak mematuhi ataupun melanggar Akta tersebut dengan mengeluarkan iklan-iklan yang tidak betul dan pihak penguatkuasa kita sentiasa mengambil tindakan-tindakan kepada mereka yang berkenaan itu.

Selain daripada itu, cuma satu sahaja di dalam Akta Perihal Dagangan itu tidak ditentukan tentang mutu barangan-barangan yang dikeluarkan itu untuk boleh diambil tindakan yang lanjut. Mungkin perkara ini perlu dikaji dan sekiranya dianggap perlu maka Akta Perihal Dagangan itu akan dipinda untuk memasukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan mutu barangan yang dipamerkan ataupun yang diiklankan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menyentuh tentang soal perusahaan kecil dan apa yang disebutkan tadi ialah tentang masalah yang ditimbulkan oleh pengusaha-pengusaha kecil yang membuka kilang-kilang perusahaannya tanpa mengikut aturan-aturan yang biasa dari segi hendak menjalankan suatu perniagaan atau pun perusahaan. Kita menyedari tentang perkara ini kerana selama ini tidak ada suatu aturan atau pun peraturan yang tertentu yang hendak menentukan aliran atau pun arus perkembangan sektor perusahaan kecil dan dengan sebab itu bolehlah dianggap perkembangan sektor ini tidak begitu tersusun. Satu daripada akibatnya ialah pertumbuhan iaitu banyak kilang-kilang secara haram di tapak-tapak tanah yang tidak digazetkan untuk tujuan perindustrian. Dan ini disedari oleh pihak kita dan pihak Kementerian sendiri sudah pun berbincang dengan pihak-pihak penguasa Kerajaan di peringkat Negeri dan juga Kerajaan-kerajaan Tempatan untuk mengambil langkah-langkah yang tegas dan positif untuk mengatasi masalah tersebut, iaitu dengan mengadakan lebih banyak lagi

kawasan-kawasan untuk perusahaan-perusahaan kecil di seluruh negara. Dan dalam hal ini langkah-langkah positif sedang pun diambil oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri kerana sekarang ini langkah-langkah tertentu sudah pun diwujudkan kawasan-kawasan. Pertamanya untuk menempatkan perusahaan-perusahaan kecil yang banyak berselerak di tempat-tempat yang tidak ditentukan dan langkah ini mungkin adalah langkah jangka panjang dan kita berharap sekiranya Kerajaan Negeri dapat menyediakan tapak perusahaan kecil masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi mungkin tidak sebesar sebagaimana yang kita hadapi pada masa ini.

Saya ingin menjelaskan bahawa dalam hal ini pihak Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun menunjukkan sikap yang positif dengan menyediakan tapak-tapak perindustrian atau pun perusahaan kecil. contohnya yang saya ingin sebutkan di Melaka beberapa tapak sudah pun ditentukan untuk menempatkan perusahaan kecil demikian juga bagi kawasan Negeri Sembilan di Seremban, di Port Dickson yang pihak Kerajaan Negeri akan menempatkan beberapa tapak yang disediakan untuk perusahaan kecil. Di Wilayah Persekutuan sendiri beberapa kawasan tanah sudah pun dikenal pasti untuk digunakan bagi tapak perusahaan kecil. Di Kelantan, di Pengkalan Chepa, di Kedah iaitu dalam kawasan KADA dan juga di Perak dan di Ipoh.

Dan langkah-langkah selanjutnya akan dibuat dengan pihak Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang baharu supaya mereka yang melibatkan diri dalam perusahaan kecil ini dapat menjalankan perniagaannya dengan cara yang tersusun dan teratur.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah menimbulkan soal

perlindungan pengguna dan perhatian Yang Berhormat tentang soal peruntukan yang dikurangkan bagi pihak pegawai penguatkuasa. Sebenarnya tidaklah menjadi hasrat kita untuk mengurangkan perbelanjaan itu, tetapi oleh sebab keadaan yang tidak mengizinkan, boleh dikatakan sebahagian besar daripada peruntukan yang diperuntukkan di bawah Kementerian Perdagangan ini terpaksa dikecilkan kerana keadaan kemelesetan. Namun begitu ini tidak bermakna bahawa kita tidak akan mengambil tindakan kerana peruntukan wang yang berkurangan.

Arahan sudah pun dibuat kepada pihak penguatkuasa untuk mengschedulekan atau pun menyusun semula gerak kerja mereka supaya walaupun peruntukan itu dikurangkan, tindakan mereka lakukan dari segi penguatkuasaan itu semestinya berkurangan sama. Ini agaknya sukar tetapi seberapa yang boleh tindakan-tindakan penguatkuasaan dijalankan dari semasa kesemasa. Malahan bolehlah saya sebutkan di sini beberapa bukti yang jelas sebagaimana dengan tegasnya tindakan telah pun dijalankan oleh pihak pegawai penguatkuasa, maka umpamanya di dalam bulan Oktober sahaja di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, sebanyak 102 kes penguatkuasaan sudah pun diambil yang melibatkan nilai barangan rampasan sebanyak lebih daripada \$28.5 juta. Demikian juga di bawah Akta Kawalan Harga 1946, semenjak di dalam sehingga bulan Oktober atau pun bagi bukan Oktober sahaja sebanyak 144 kes yang telah pun diambil tindakan di bawah Akta tersebut yang melibatkan jumlah nilai barangan \$219,000. Kemudian di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 bagi barang-barang tiruan dan juga lain-lain barangan, bagi bulan Oktober 1983 sahaja sebanyak 140 kes yang melibatkan \$1 juta nilai barang rampasan.

Dalam tahun 1980 umpamanya sebagai perbandingan terdapat 144 kes yang melibatkan nilai barangan rampasan sebanyak \$16.5 juta. Demikian juga di bawah Akta yang lain tindakan-tindakan sentiasa diambil untuk menentukan pihak penjaja atau peniaga tidak akan mengambil kesempatan untuk menipu ataupun menjalankan tindakan-tindakan yang tidak selaras dengan Undang-undang terhadap pihak pengguna dan pihak kita sentiasalah mengkaji tentang Undang-undang yang wujud sekarang ini sama ada Undang-undang itu cukup untuk melindungi kepentingan pengguna.

Boleh dikatakan beberapa pindaan sudah pun dibuat dan pihak-pihak yang didapati bersalah diberikan denda yang agak berat. Umpamanya, dari segi Akta Perihal Dagangan, seseorang yang didapati sabit dan kalau dianggap jumlah kes itu adalah berat, mungkin boleh didenda sampai \$200,000.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus telah pun membangkitkan soal berkenaan perdagangan dalam negeri, dan sebenarnya yang dibangkitkan itu bukannya perdagangan dalam negeri tetapi berkaitan dengan industri, bagaimana langkah boleh diambil oleh pihak Kerajaan untuk melindungi industri tempatan.

Dan Yang Berhormat tadi telah pun menyebut, umpamanya barang-barang perabot yang diperbuat daripada kayu yang sepatutnya diberikan perlindungan daripada barang-barang import daripada luar negeri. Saya amat bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu dan memanglah ada dasar yang sedang diamalkan oleh Kerajaan sekarang ini untuk menggalakkan barang-barang yang penggantian import, import substitution, dengan izin, kalau sekiranya di dapati barang-barang tersebut boleh dibekalkan dan dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha sendiri. Dan selain daripada

itu kita adakan skim galakan bagi menggalakkan pengusaha-pengusaha kita menggunakan barang-barang raw materials dengan izin, yang dapat diperolehi dalam negeri kita seperti barang kayu yang berasaskan getah, ataupun berasaskan bijih timah dan sebagainya.

Dan beberapa galakan-galakan ini sedang pun dinikmati oleh banyak syarikat-syarikat kita. Namun memanglah menjadi dasar kita untuk melindungi kepentingan pihak pengusaha-pengusaha tempatan supaya mereka itu tidak menghadapi masalah dari segi competition ataupun pertandingan hebat dengan barang-barang yang diimport daripada luar negeri.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, pandangan Ahli Yang Berhormat tadi menyebut tentang soal masalah perkapalan. Sebenarnya, memanglah menjadi satu daripada perkara yang besar yang sedang pun di hadapi oleh kita sekarang ini iaitu tentang kurangnya pengangkutan laut ataupun sistem pengangkutan laut yang masih lagi belum begitu efficient kerana kita masih belum lagi mempunyai kapal yang cukup untuk digunakan bagi mengangkut barangan kita untuk dieksport keluar negeri. Sebagaimana Yang Berhormat sendiri maklum juga pengumuman telah pun disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagaimana kita menghadapi banyak kehilangan dari segi hasil pendapatan negara disebabkan invisible item ataupun pendapatan-pendapatan yang tidak dapat dilihat dari segi pembayaran insuran, tambang dan sebagainya.

Oleh sebab itu, di dalam Kementerian ini ada Bahagian Unit Perkapalan dan Tambang di bawah perdagangan antarabangsa yang sentiasa mengambil langkah untuk menentukan supaya pihak pengeksport kita itu diberikan seberapa banyak sokongan dan bantuan. Umpamanya,

untuk menentukan kargo yang mencukupi, kapal yang mencukupi supaya mereka tidak terganggu untuk mengeksport barangan-barangan yang telahpun ditentukan oleh mereka itu.

Dan ingin saya maklumkan di sini bahawa bagi memperkemarkan sistem perkapalan ini pihak kita sebagai Urusetia bagi Majlis Perkapalan ASEAN sudah pun merundingkan dengan banyak pihak di peringkat kawasan Timur Jauh dan juga di kawasan yang lain seperti Eropah untuk mendapat kemudahan-kemudahan daripada mereka itu bagi menyokong pengeksport-pengeksport kita dari segi perkapalan dan tambang. Satu daripada langkah yang sedang pun diambil oleh pihak kita sekarang ini ialah untuk mewujudkan apa yang kita sebut sebagai, dengan izin, "Freight Booking Centre" iaitu menubuhkan sebuah pusat tempatan kargo.

Tujuan kita ialah supaya dengan tertubuh pusat ini, ianya akan dapat menolong pengeksport-pengeksport Malaysia membuat tempahan ruang di atas kapal dan di samping itu juga pusat ini boleh merundingkan kadar tambang yang lebih murah kepada pengeksport-pengeksport kita dan dengan cara ini barang-barang Malaysia yang dijangka akan dapat bersaing di pasaran luar negeri dan dengan kargo yang terkumpul melalui pusat tempahan kargo ini dapat juga memberi ruang kargo yang secukup-cukupnya (inducement cargo) kepada kapal-kapal untuk berlabuh di Pelabuhan di Malaysia. Jadi ini satu daripada usaha yang sedang dijalankan untuk kita menyediakan kemudahan perkapalan walaupun tidak secukup-cukupnya tetapi memperbaiki kekurangan yang sedang pun dihadapi oleh pihak pengeksport kita sendiri.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyentuh tentang soal peranan FINAS. FINAS adalah sebuah perbadanan yang telah pun ditubuhkan baru-baru ini dan boleh dikatakan

hanya semenjak tahun 1982 sahaja ia sudah mula beroperasi dan saya memang bersetuju tentang apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang mengatakan bahawa mutu keluaran filem-filem tempatan kita masih belum memuaskan lagi dan banyak faktor-faktor yang menyebabkan perkara itu berlaku. Satu daripada langkah tegas yang sedang pun disusun oleh pihak FINAS ialah untuk menentukan, disediakan kemudahan sokongan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan kita.

Salah satu daripada skim yang sedang kita laksanakan dengan kerjasama pihak MARA ialah menghantar pengusaha-pengusaha filem kita ke luar negeri untuk diberikan latihan-latihan yang secukupnya dalam tempoh setahun ataupun setahun lebih di bawah skim biasiswa yang dibiayai oleh MARA sendiri dengan sokongan oleh pihak FINAS. Kita percaya skim ini kalau dapat diteruskan pada masa-masa ke hadapan pihak pengusaha-pengusaha filem tempatan akan dapat mempunyai pengalaman tentang teknik moden dan terbaru dari segi pengeluaran filem.

Di samping itu juga banyak masalah lain yang wujud dari segi perfileman, umpamanya dari segi hendak mendapatkan skrip bagi filem yang baik.

Sekarang ini pun kita mendapati walaupun mutunya sudah bertambah baik kalau dibandingkan dengan masa-masa yang lepas, tetapi kalau dibandingkan dengan apa yang dikeluarkan oleh pengeluar-pengeluar filem di peringkat antarabangsa, kita masih lagi jauh ketinggalan.

Oleh sebab itu satu kursus yang tertentu sudah pun diadakan oleh pihak FINAS sendiri untuk melatih dan menggalakkan penulisan skrip yang betul untuk mencerminkan budaya Malaysia yang sebenarnya

menerusi filem. Sebab sekarang ini pun banyak komen-komen yang dikeluarkan oleh pihak penonton sendiri bahawa skrip yang dikeluarkan ataupun pertuturan yang disampaikan oleh para pelakon kadang-kadang tidak begitu "natural" seperti juga kita bertutur di Parlimen ini sama dengan orang yang bertutur di pasar. Jadi ini banyak komen-komen yang ditimbulkan dan kita sedar tentang perkara ini dan langkah-langkah tegas sudah pun diambil tetapi sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum perkara ini adalah baru sahaja dilaksanakan dan kita percaya sekiranya dapat diteruskan mungkin masalah ini dapat kita perbaiki.

Cadangan Ahli Yang Berhormat tadi juga untuk diadakan sekolah ataupun akademi filem ini memang sedangpun difikirkan malahan kita berharap umpamanya National Theatre dapat dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk digunakan sebagai tempat melatih para pelakon kita dengan cara lakonan yang baik. Sekarang ini memang kita menyedari sehingga ini pun tidak ada satu akademi ataupun sekolah filem yang ditubuhkan dan mungkin pada jangka panjangnya perkara ini akan dapat kita laksanakan mengikut keadaan kewangan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Baling telah pun menyentuh tentang soal yang hampir serupa tentang penyediaan tapak dan khususnya disebutkan di situ tapak perusahaan kecil, sebagaimana kawasan Baling dan juga daerah-daerah lain diharapkan dapat menyediakan tapak-tapak bagi perusahaan kecil dan juga dengan galakan industri yang menggunakan bahan-bahan tempatan. Sebagai contoh Ahli Yang Berhormat itu sebutkan tadi bagi kawasan Baling yakni dengan menggunakan batu marmar yang terdapat di Bukit Baling. Perkara ini memang saya fikir sudah pun kita bincangkan dan saya telah pun

mencadangkan supaya pihak Ahli Yang Berhormat boleh mengambil inisiatif untuk menentukan siapakah pihak yang boleh melaksanakan projek itu dan dari segi Kementerian sendiri menerusi Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia boleh memberikan sokongan-sokongan yang diperlukan dari segi perlesenan dan mendapatkan mereka-mereka yang mempunyai kepakaran sama ada dari luar ataupun dalam negeri untuk melaksanakan projek itu.

Selain daripada itu Ahli Yang Berhormat juga telah menyebut tentang soal penyertaan Bumiputera dalam rombongan perdagangan. Saya terangkan tadi bahawa memang di peringkat rombongan perdagangan ini kita menggalakkan Bumiputera untuk menyertai di dalamnya dengan syarat mereka dapat memenuhi beberapa kriteria penyertaan yang telah pun ditentukan oleh pihak Kementerian sendiri. Terutamanya dalam usaha hendak menggalakkan barang-barang kita dieksport ke luar negeri, barang-barang yang hendak dikeluarkan ataupun hendak dieksport ke luar negeri oleh pengusaha itu mestilah memenuhi syarat-syarat, memenuhi kehendak-kehendak dari segi potensinya. Iaitu sekiranya hasil barangan yang dikeluarkan itu mempunyai potensi untuk dieksport, maka pengusaha-pengusaha di kalangan Bumiputera daripada pihak inilah yang akan diberikan keutamaan untuk menyertai dalam rombongan-rombongan perdagangan ini. Selama ini pun kita telah banyak menghantar rombongan-rombongan perdagangan dan pada tahun hadapan kita jangkakan sekurang-kurangnya sebanyak 5 rombongan perdagangan yang kita akan hantar iaitu kita akan menghantarkan satu rombongan ke Amerika Syarikat, kita juga akan menghantarkan satu rombongan ke Eropah, ke China di Canton, ke Jepun dan beberapa rombongan yang lain. Kita sentiasa menawarkan kepada

pihak pengusaha-pengusaha Bumiputera yang ingin menyertai dalam rancangan ini dengan syarat mereka dapat memenuhi beberapa kriteria seperti yang saya sebutkan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Baling ada menyatakan tadi rombongan ke Canton itu tidak banyak disertai oleh peserta Bumiputera. Ini kerana kita dapati tak banyak daripada kalangan Bumiputera yang berminat pergi ke Canton. Saya tidak tahu, Tuan Pengerusi, mengapakah mereka tidak berminat pergi ke Canton, daripada pergi ke Tokyo. Mungkin ada sebab-sebab yang tertentu. Walau bagaimanapun begitu, pada keseluruhannya peratusan pengusaha-pengusaha Bumiputera dalam bidang penggalakkan eksport menerusi rombongan ini adalah amat menggalakkan dan boleh dikatakan tak kurang daripada 40% daripada jumlah peserta yang mengikuti rombongan perdagangan luar negeri ini terdiri daripada kalangan pengusaha-pengusaha Bumiputera sendiri. Mungkin dari segi Canton itu agaknya satu kes yang berasingan sedikit.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya fikir setakat ini penjelasan yang dapat saya berikan kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sedar bahawa penjelasan ini tidak begitu lengkap tetapi sekiranya ada perkara-perkara yang memerlukan penjelasan daripada pihak Kementerian, saya dengan sukacita akan dapat menerangkan.

Selain daripada itu perkara-perkara yang telah pun disebutkan tadi, saya mengambil perhatian dan mana-mana

yang difikirkan boleh dilaksanakan syor Ahli Yang Berhormat itu insya-Allah kita akan dilaksanakan. Sekali lagi diucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$89,438,000 untuk Maksud B. 22 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$89,438,000 untuk Maksud B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$34,977,010 yang disebutkan dalam Maksud P. 22 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$34,977,010 untuk Maksud P. 22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.